



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENG AUDITAN  
PEMATUHAN JABATAN NEGERI

**SELANGOR**  
**TAHUN 2019**

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI  
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN  
PEMATUHAN JABATAN NEGERI

**SELANGOR**  
**TAHUN 2019**

JABATAN AUDIT NEGARA  
MALAYSIA





# **KANDUNGAN**



---

# KANDUNGAN

---

<b>PENDAHULUAN</b>	vii
<b>RINGKASAN EKSEKUTIF</b>	xi
<b>BAHAGIAN I</b>	
<b>PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019</b>	
Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	1 - 5
<b>BAHAGIAN II</b>	
<b>ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI</b>	
Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 4
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 9
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 23
Akaun Amanah Disatukan	2 - 24
Penyata Akaun Memorandum	2 - 42
Rumusan Audit	2 - 58
Syor Audit	2 - 59

### **BAHAGIAN III PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

Pendahuluan	3 - 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 5
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 6
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 12
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 13
Bidang Utama Audit ( <i>Key Audit Areas</i> )	3 - 13
Rumusan Audit	3 - 14
Syor Audit	3 - 14

### **BAHAGIAN IV PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI**

Pengenalan	4 - 5
Pejabat Daerah Dan Tanah Klang	4 - 7
- Kutipan Cukai Tanah	

### **BAHAGIAN V PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri serta Aktiviti Jabatan/Agenzi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	5 - 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	5 - 4

<b>PENUTUP</b>	6 - 3
----------------	-------

### **LAMPIRAN**

Lampiran I	- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri	7 - 3
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri	7 - 6
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	7 - 7

Lampiran IV	-	Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	7 - 8
Lampiran V	-	Penyata Prestasi Kewangan	7 - 9
Lampiran VI	-	Penyata Akaun Memorandum	7 - 10
Lampiran VII	-	Nota Kepada Penyata Kewangan	7 - 11
<b>AKRONIM</b>			8 - 3





# PENDAHULUAN



---


## PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Selangor, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Selangor.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Selangor Tahun 2019 Serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:
  - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
  - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
  - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
  - iv. Pengauditan Pematuhan; dan
  - v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2019. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2019, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*.

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemberosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Selangor yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**  
**Ketua Audit Negara**  
**Malaysia**

**Putrajaya**

**8 Oktober 2020**



## **RINGKASAN EKSEKUTIF**



## RINGKASAN EKSEKUTIF

---

### BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

### BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

### BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

---

#### Perkara Utama

##### Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri berdasarkan atas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini yang melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor tahun 2019 mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957, menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri.

- Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

### **Mengapa ia penting untuk diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara menyeluruh pada akhir tahun 2019, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesahkan dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggaan yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

### **Apa yang ditemui Audit?**

#### **BAHAGIAN I Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

#### **BAHAGIAN II Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Pada tahun 2019, Kerajaan Negeri Selangor memperoleh hasil berjumlah RM2.320 bilion iaitu meningkat sebanyak RM321.65 juta (16.1%) berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM1.999 bilion.

- Semua kategori hasil menunjukkan peningkatan kecuali Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai pada tahun 2019 berjumlah RM700.71 juta (2018: RM654.54 juta) meningkat sebanyak RM46.17 (7.1%). Hasil Bukan Cukai pada tahun 2019 adalah berjumlah RM1.338 bilion (2018: RM1.061 bilion), meningkat sebanyak RM276.92 juta (26.1%). Terimaan Bukan Hasil tahun 2019 adalah berjumlah RM281.02 juta (2018: RM282.46 juta), iaitu menurun sebanyak RM1.44 juta atau 0.5%.
- Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sebanyak RM101.82 juta (3.9%) daripada RM2.618 bilion pada tahun 2018 kepada RM2.516 bilion pada tahun 2019.
- Perbelanjaan mengurus tertinggi adalah Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap (RM1.482 bilion atau 58.9%), Perkhidmatan Dan Bekalan (RM498.45 juta atau 19.8%) serta Emolumen (RM456.75 juta atau 18.2%).
- Kerajaan negeri mencatat defisit Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM195.80 juta pada tahun 2019 berbanding defisit berjumlah RM619.27 juta pada tahun 2018. Dengan mengambil kira defisit ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2019 berkurang menjadi RM267.29 juta (2018: RM463.09 juta).
- Pada akhir tahun 2019, baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM1.191 bilion (2018: RM1.295 bilion), menurun sebanyak RM103.84 juta (8.0%).
- Tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM413.44 juta (81.7%) daripada RM505.91 juta kepada RM92.47 juta pada tahun 2019. Faktor utama penurunan ini adalah disebabkan sejumlah RM424.73 juta tunggakan pinjaman Kumpulan Darul Ehsan Berhad telah dipindahkan ke Mantapmurni Sdn. Bhd.. Kesan daripada pindahan tersebut, bayaran pokok sejumlah RM408.20 juta dijadualkan semula selama empat (4) tahun dan faedah sejumlah RM16.53 juta dipermodalkan pada tahun 2022.

- Pada tahun 2019, Hutang Awam telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM7.04 juta (0.6%) kepada RM1.110 bilion berbanding RM1.103 bilion pada tahun 2018. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada tahun 2019 adalah berjumlah RM28.55 juta manakala tiada tunggakan Hutang Awam dicatatkan pada tahun 2018.
- Tunggakan Hutang Awam adalah disebabkan tiada bayaran balik bagi projek bekalan air dibuat pada tahun semasa kerana hutang projek bekalan air akan dinovasikan kepada Pengurusan Aset Air Berhad setelah proses penstrukturkan industri air di Selangor selesai sepenuhnya.

### **BAHAGIAN III**

#### **Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri**

- Daripada 13 BBN, tiga (3) telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2020. Lapan (8) BBN mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan manakala baki dua (2) BBN masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Bagi BBN yang lewat/belum mengemukakan penyata kewangan, tiada bukti penangguhan tempoh mengemukakan penyata kewangan telah diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS).
- Daripada 12 PBT pula, sebanyak 11 telah mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 Jun 2020, iaitu dalam tempoh penangguhan yang diluluskan oleh PNS. Baki satu (1) PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam masih belum mengemukakan penyata kewangan dan telah diluluskan penangguhan oleh PNS sehingga 30 Oktober 2020.
- Majlis Agama Islam Selangor telah mengemukakan penyata kewangan pada 12 Jun 2020.
- Setakat 15 Ogos 2020, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan satu (1) daripada 26 penyata kewangan tahun 2019, iaitu Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor dan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Manakala baki 25 penyata kewangan masih belum disahkan.

- Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam Laporan kali ini memandangkan hanya satu (1) pernyata kewangan yang telah disahkan.

---

## BAHAGIAN IV

### PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI

---

#### Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana terhadap sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *risk profiling* yang dilakukan terhadap setiap kementerian dan jabatan.
- Pengauditan pematuhan telah dilaksanakan seperti berikut:
  - Kutipan Cukai Tanah Pejabat Daerah Dan Tanah Klang.

#### Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan negeri dilaksana untuk menentukan tahap pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang ditetapkan dan berkuat kuasa serta rekod berkaitan telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

#### Apa yang ditemui Audit?

- **Cukai Tanah Tidak Dikenakan Mengikut Kadar yang Ditetapkan di Pejabat Daerah Dan Tanah Klang**
  - cukai tanah tidak dikenakan mengikut kadar cukai yang ditetapkan mengakibatkan ketirisian hasil Kerajaan negeri bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 sejumlah RM1.16 juta;
  - kesilapan mengenakan kadar cukai menyebabkan cukai tanah terlebih kutip sebanyak RM14.60 juta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020; dan
  - 20 hak milik yang mempunyai tunggakan cukai tanah berjumlah RM6.18 juta belum mempunyai tindakan penyelesaian dan tidak diberi Notis 6A manakala 12 hak milik berjumlah RM1.51 juta telah diberi Notis 6A tetapi tiada tindakan selanjutnya diambil.





## **BAHAGIAN I**

# **PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

**Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019**



## BAHAGIAN I

### PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

#### FAKTA UTAMA

<b>1.01.2019 - 31.12.2019</b> Tahun kewangan Kerajaan negeri	<b>31 Julai 2020</b> Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	<b>2 Mac 2020</b> Tarikh penyerahan sebenar penyata kewangan untuk diaudit
<b>Komponen Penyata Kewangan</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Penyata Kedudukan Kewangan</li><li>• Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai</li><li>• Penyata Prestasi Kewangan</li><li>• Penyata Akaun Memorandum</li><li>• Nota Kepada Penyata Kewangan</li></ul>	
<b>Jenis Pendapat Audit</b>	Pendapat Tanpa Teguran	

#### 1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9 Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 pada **2 Mac 2020**. Penyata tersebut melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2019 berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata tersebut mengandungi Laporan Bendahari, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Akaun Kumpulan Wang Disatukan, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang diguna pakai oleh Kerajaan negeri, Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Dan Pelaburan Am dilaporkan dalam Penyata Kedudukan

Kewangan. Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan penerimaan dan pembayaran bagi tahun 2019. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti amanah dan deposit. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal dan bayaran balik pinjaman.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala tanggungan Kerajaan negeri pula terdiri daripada hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan dasar perakaunan, nota penjelasan dan maklumat lain yang perlu didedahkan.

## 2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Sistem Perakaunan dan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2019. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan dengan pihak Perbendaharaan Negeri dan jabatan negeri melalui pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Selain itu, Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) bersama YB Pegawai Kewangan Negeri dan ketua jabatan serta agensi Kerajaan negeri telah diadakan pada **6 Julai 2020**.

### **3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan kepada piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI) 1000*. Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan penyata kewangan termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor disertakan bersama Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.





## **BAHAGIAN II**

### **ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**



## BAHAGIAN II

### ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

#### FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
<b>↑ HASIL</b> 2019 – RM2.320 bilion 2018 – RM1.999 bilion	<b>↓ AKAUN HASIL DISATUKAN</b> 2019 – RM267.29 juta 2018 – RM463.09 juta	<b>↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT</b> 2019 – RM1.191 bilion 2018 – RM1.295 bilion
<b>↓ BELANJA</b> 2019 – RM2.538 bilion 2018 – RM2.768 bilion	<b>AKAUN PINJAMAN DISATUKAN</b> 2019 - RM0 2018 - RM0	<b>PELABURAN</b> 2019 – RM191.10 juta 2018 – RM191.10 juta
	<b>↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN</b> 2019 – RM1.874 bilion 2018 – RM1.672 bilion	<b>↑ HUTANG AWAM</b> 2019 – RM1.110 bilion 2018 – RM1.103 bilion

#### 1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2019, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan negeri. Hasil analisis yang dijalankan adalah berdasarkan Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta Nota Kepada Penyata Kewangan.

#### 2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

#### 3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan dana di mana jumlah hasil dibandingkan dengan jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya dalam sesuatu tahun kewangan. Bagi

tahun 2019, sumber dana Kerajaan negeri berjumlah RM2.320 bilion terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Dana ini digunakan bagi membiayai perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan berjumlah RM2.538 bilion. Pada akhir tahun 2019, Kerajaan negeri mencatat defisit dana berjumlah RM218.11 juta berbanding defisit dana berjumlah RM769.27 juta pada akhir tahun 2018. Penurunan defisit sebanyak RM551.16 juta (71.6%) disebabkan oleh peningkatan hasil sejumlah RM321.65 juta dan penurunan perbelanjaan sejumlah RM229.51 juta. Kedudukan prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KEDUDUKAN PRESTASI KEWANGAN KERAJAAN NEGERI**  
**PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
JUMLAH HASIL	2,320.17	1,998.52	321.65	16.1
(-) Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	1,225.77	1,340.79	(115.02)	(8.6)
(-) Belanja Pembangunan	1,312.51	1,427.00	(114.49)	(8.0)
<b>JUMLAH PERBELANJAAN</b>	<b>2,538.28</b>	<b>2,767.79</b>	<b>(229.51)</b>	<b>(8.3)</b>
DEFISIT	(218.11)	(769.27)	551.16	71.6
Dibidayai oleh: Pinjaman Dan Bantuan Luar Negeri	12.44	17.68	(5.24)	(29.6)
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	22.11	19.89	2.22	11.2
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	183.56	731.70	(548.14)	(74.9)
<b>JUMLAH PEMBIAYAAN</b>	<b>218.11</b>	<b>769.27</b>	<b>(551.16)</b>	<b>(71.6)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

#### 4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan, baki Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM2.141 bilion. Jumlah ini merupakan baki terkumpul bagi tiga (3) akaun, iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Analisis Audit mendapati baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM6.39 juta kepada RM2.141 bilion pada tahun 2019 berbanding RM2.135 bilion pada tahun 2018. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan sejumlah RM202.19 juta melebihi penurunan baki Akaun Hasil Disatukan sejumlah RM195.80 juta. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Negeri Selangor pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	267.29	463.09	(195.80)	(42.3)
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
<b>Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:</b>	<b>1,874.47</b>	<b>1,672.28</b>	<b>202.19</b>	<b>12.1</b>
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,114.60	904.75	209.85	23.2
• Kumpulan Wang Pembangunan	50.00	41.44	8.56	20.7
• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	6.31	18.42	(12.11)	(65.7)
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,031.14	821.42	209.72	25.5
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	27.15	23.47	3.68	15.7
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	376.26	423.29	(47.03)	(11.1)
c. Akaun Deposit	383.61	344.24	39.37	11.4
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>2,141.76</b>	<b>2,135.37</b>	<b>6.39</b>	<b>0.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

4.2. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3** dan **Carta 1**. Analisis Audit mendapati secara keseluruhannya, baki Kumpulan Wang Disatukan menurun dari tahun 2015 hingga 2018 daripada RM3.258 bilion kepada RM2.135 bilion. Pada tahun 2019 baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat daripada RM2.135 bilion pada tahun 2018 kepada RM2.141 bilion. Baki Akaun Hasil Disatukan menurun pada tahun 2015 hingga tahun 2019 daripada RM1.595 bilion kepada RM267.29 juta. Manakala Akaun Pinjaman Disatukan berbaki sifar dari tahun 2015 hingga 2019. Sementara itu, baki Akaun Amanah Disatukan menurun daripada RM1.663 bilion pada tahun 2015 kepada RM1.600 bilion pada tahun 2016 dan meningkat semula pada tahun 2017 tetapi menurun semula pada tahun 2018 sebelum meningkat kepada RM1.874 bilion pada tahun 2019.


**JADUAL 3**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Akaun Hasil Disatukan	1,595.58	1,450.92	1,082.36	463.09	267.29
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:</b>	<b>1,663.03</b>	<b>1,600.28</b>	<b>1,756.45</b>	<b>1,672.28</b>	<b>1,874.47</b>
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,237.99	1,140.90	971.15	904.75	1,114.60
• Kumpulan Wang Pembangunan	128.84	128.84	157.81	41.44	50.00
• Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan	45.64	5.13	24.47	18.42	6.31
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,047.88	991.30	769.33	821.42	1,031.14
• Kumpulan Wang Pembangunan Hutan	15.63	15.63	19.54	23.47	27.15

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	326.90	321.90	533.28	423.29	376.26
c. Akaun Deposit	98.14	137.48	252.02	344.24	383.61
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>3,258.61</b>	<b>3,051.20</b>	<b>2,838.81</b>	<b>2,135.37</b>	<b>2,141.76</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

**CARTA 1**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

## 5. WANG AWAM

### 5.1. Wang Tunai dan Pelaburan

5.1.1. Baki Kumpulan Wang Disatukan pada 31 Disember 2019 berjumlah RM2.141 bilion terdiri daripada aset berbentuk Wang Tunai dan Pelaburan masing-masing berjumlah RM179.25 juta dan RM1.963 bilion. **Jadual 4** menunjukkan kedudukan Wang Tunai dan Pelaburan pada akhir tahun 2018 dan 2019. Bagi kedua-dua tahun 2018 dan 2019, komponen terbesar dalam pelaburan adalah Deposit Dalam Negeri [simpanan tetap melebihi tempoh tiga (3) bulan] masing-masing berjumlah RM736 juta dan RM900 juta. Perkara ini selaras dengan Seksyen 8 Akta Tatacara Kewangan 1957 yang membolehkan Kerajaan negeri melabur lebihan wang dalam deposit di bank dan institusi kewangan serta saham.

**JADUAL 4**  
**KEDUDUKAN WANG TUNAI DAN PELABURAN**  
**PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
<b>WANG TUNAI</b>				
1. Wang Tunai Dalam Bank	175.39	413.16	(237.77)	(57.5)
2. Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.20	0.72	(0.52)	(72.2)
3. Wang Tunai Dalam Tangan	3.66	3.66	0.00	0.0
<b>WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>179.25</b>	<b>417.54</b>	<b>(238.29)</b>	<b>(57.1)</b>
<b>PELABURAN</b>				
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah *				
1. Tabung Warisan Negeri Selangor	651.17	607.66	43.51	7.2
2. Tabung Amanah Bencana Alam	72.63	62.42	10.21	16.4
3. Tabung Amanah Warisan Anak Selangor	66.31	39.34	26.97	68.6
<b>JUMLAH</b>	<b>790.11</b>	<b>709.42</b>	<b>80.69</b>	<b>11.4</b>
<b>PELABURAN AM **</b>				
1. Saham	262.41	262.41	0.00	0.0
2. Deposit Dalam Negeri	900.00	736.00	164.00	22.3
3. Jaminan Bank Pertanian Malaysia	10.00	10.00	0.00	0.0
<b>JUMLAH</b>	<b>1,172.41</b>	<b>1,008.41</b>	<b>164.00</b>	<b>16.3</b>
<b>PELABURAN PADA 31 DISEMBER</b>	<b>1,962.52</b>	<b>1,717.83</b>	<b>244.69</b>	<b>14.2</b>
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN PADA 31 DISEMBER</b>	<b>2,141.77</b>	<b>2,135.37</b>	<b>6.40</b>	<b>0.3</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

Nota: (\*) - Pelaburan lebihan dana kumpulan wang/akaun amanah selaras dengan Arahan Amanah (Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957) dan Surat Ikatan Amanah (Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957) serta peraturan yang berkuat kuasa

(\*\*) - Pelaburan lebihan dana Kumpulan Wang Disatukan

5.1.2. Berdasarkan **Jadual 4**, analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai dan Pelaburan pada akhir tahun 2018 dan 2019 menunjukkan peningkatan sejumlah RM6.40 juta disebabkan perkara seperti berikut:

- Baki Wang Tunai menunjukkan penurunan sejumlah RM238.29 juta (57.1%) daripada RM417.54 juta pada tahun 2018 kepada RM179.25 juta pada tahun 2019. Baki Wang Tunai Dalam Bank menunjukkan penurunan ketara sejumlah RM237.77 juta (57.5%) iaitu daripada RM413.16 juta pada tahun 2018 kepada RM175.39 juta pada tahun 2019. Penurunan ini disebabkan pengurangan jumlah deposit jangka pendek daripada RM332 juta pada tahun 2018 kepada RM111 juta (2019) kesan daripada penurunan kadar *Overnight Policy Rate (OPR)* sebanyak 25 mata asas kepada 3% bermula 7 Mei 2019. Ini mempengaruhi keputusan peletakan pelaburan Kerajaan negeri yang menumpukan kepada simpanan tetap bertujuan untuk mendapatkan pulangan lebih tinggi.

- b. Pelaburan menggunakan dana Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor meningkat sejumlah RM80.69 juta (11.4%) menjadi RM790.11 juta pada tahun 2019 berbanding RM709.42 juta pada tahun 2018. Pelaburan ini antaranya dibuat dalam bentuk simpanan tetap, deposit jangka pendek, unit saham amanah, mandat pengurusan dana dan saham-saham syarikat. Saham syarikat antaranya terdiri daripada Kumpulan Perangsang Selangor Berhad dan Tenaga Nasional Berhad.
- c. Deposit Dalam Negeri yang merupakan salah satu komponen Pelaburan Am menunjukkan peningkatan sejumlah RM164 juta (22.3%) daripada RM736 juta pada tahun 2018 kepada RM900 juta pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan penambahan peletakan simpanan tetap di dalam Bank Rakyat yang menawarkan kadar pulangan lebih menguntungkan. Ini secara langsung menyebabkan baki Pelaburan Am Kerajaan Negeri keseluruhannya meningkat RM164 juta daripada RM1.008 bilion pada tahun 2018 kepada RM1.172 bilion pada tahun 2019.
- d. Bagaimanapun pada tahun 2019, faedah yang diterima oleh Kerajaan negeri bagi pelaburan Deposit Dalam Negeri telah menurun sejumlah RM40.02 juta (48.4%), iaitu daripada RM82.75 juta kepada RM42.73 juta. Penurunan hasil faedah ini antaranya berkait dengan pemotongan kadar *OPR* sebanyak 25 mata oleh Bank Negara Malaysia menjadikan kadar OPR 3% kekal rendah sehingga akhir tahun 2019. Hal ini menyebabkan manfaat faedah menyusut mengikut kadar yang ditawarkan oleh pihak bank dan institusi kewangan pada tahun kewangan 2019.

5.1.3. Analisis trend kedudukan pelaburan Kerajaan negeri bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2015 hingga 2019 mendapat jumlah pelaburan menunjukkan penurunan dari tahun 2015 hingga 2018 dan meningkat semula pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	534.25	604.48	665.30	709.42	790.11
Pelaburan Am	2,489.41	2,396.41	1,448.41	1,008.41	1,172.41
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>3,023.66</b>	<b>3,000.89</b>	<b>2,113.71</b>	<b>1,717.83</b>	<b>1,962.52</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 Hingga 2019

## 6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus kerajaan bagi satu (1) tahun kewangan.

6.2. Kerajaan negeri telah mengakhiri tahun kewangan 2019 dengan defisit di Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM195.80 juta berbanding defisit pada tahun 2018 berjumlah RM619.27 juta. Ini menunjukkan defisit yang dicatatkan pada tahun 2019 berkurangan sejumlah RM423.47 juta (68.4%), kesan daripada peningkatan hasil sejumlah RM321.65 juta dan penurunan perbelanjaan sejumlah RM101.82 juta (3.9%). Dengan mengambil kira defisit ini, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan tahun 2019 berkurang menjadi RM267.29 juta berbanding RM463.09 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN**  
**PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	463.09	1,082.36	(619.27)	(57.2)
Hasil	2,320.17	1,998.52	321.65	16.1
Perbelanjaan Mengurus*	2,515.97	2,617.79	(101.82)	(3.9)
<b>DEFISIT</b>	<b>(195.80)</b>	<b>(619.27)</b>	<b>423.47</b>	<b>68.4</b>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>267.29</b>	<b>463.09</b>	<b>(195.80)</b>	<b>(42.3)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

Nota: (\*) - Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Pembangunan Hutan Berjumlah RM1.290 bilion

6.3. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7**. Analisis Audit menunjukkan dalam tempoh lima (5) tahun kebelakangan, Kerajaan negeri telah mencatat lebihan pada tahun 2015 tetapi defisit pada tahun 2016 hingga tahun 2019.

**JADUAL 7**  
**KEDUDUKAN BAKI AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019**

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	1,202.34	1,595.58	1,450.92	1,082.36	463.09
Hasil	2,527.69	2,499.66	2,810.10	1,998.52	2,320.17
Perbelanjaan Mengurus	2,134.45	2,644.32	3,178.66	2,617.79	2,515.97
<b>LEBIHAN/DEFISIT</b>	<b>393.24</b>	<b>(144.66)</b>	<b>(368.56)</b>	<b>(619.27)</b>	<b>(195.80)</b>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>1,595.58</b>	<b>1,450.92</b>	<b>1,082.36</b>	<b>463.09</b>	<b>267.29</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

## 6.4. Hasil

6.4.1 Akaun Hasil Disatukan mengandungi tiga (3) kategori hasil, iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada tahun 2019, kutipan hasil sebenar berjumlah RM2.320 bilion melebihi sejumlah RM120.17 juta (105.5%) berbanding anggaran hasil berjumlah RM2.200 bilion seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**KUTIPAN HASIL SEBENAR BERBANDING ANGGARAN TAHUN 2019**

JENIS HASIL	ANGGARAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	PERBEZAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
Hasil Cukai	699.44	700.71	1.27	100.2
Hasil Bukan Cukai	1,279.52	1,338.44	58.92	104.6
Terimaan Bukan Hasil	221.04	281.02	59.98	127.1
<b>JUMLAH</b>	<b>2,200.00</b>	<b>2,320.17</b>	<b>120.17</b>	<b>105.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019


6.4.2. Pada keseluruhannya, hasil yang dikutip oleh Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah berjumlah RM2.320 bilion meningkat sejumlah RM321.65 juta (16.1%) berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM1.999 bilion seperti dalam **Jadual 9**. Kutipan hasil tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Carta 2**.

**JADUAL 9**  
**KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

JENIS HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	700.71	654.54	46.17	7.1
Hasil Bukan Cukai	1,338.44	1,061.52	276.92	26.1
Terimaan Bukan Hasil	281.02	282.46	(1.44)	(0.5)
<b>JUMLAH</b>	<b>2,320.17</b>	<b>1,998.52</b>	<b>321.65</b>	<b>16.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018


**CARTA 2**  
**KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.4.3. Bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2015 hingga 2019, kutipan hasil telah mencatat peningkatan setiap tahun kecuali pada tahun 2016 dan 2018 adalah seperti dalam **Carta 3**.

**CARTA 3**  
**KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

6.4.4. Lima (5) penyumbang utama hasil Kerajaan negeri bagi tahun 2019 adalah terdiri daripada Premium Geran Tanah, Cukai Tanah Semasa/Berulang, Tanah dan Galian, Pemberian Bagi Membiayai Perbelanjaan Mengurus Bagi

Jabatan-Jabatan di Bawah Senarai Bersama serta Pemberian Mengikut Bilangan Orang. Kelima-lima butiran hasil ini menyumbang sejumlah RM1.726 bilion atau 74.4% daripada keseluruhan hasil berjumlah RM2.320 bilion. Kutipan Premium Geran Tanah merupakan penyumbang terbesar dengan jumlah RM1.008 bilion diikuti dengan Cukai Tanah Semasa/Berulang berjumlah RM465.99 juta. **Jadual 10** menunjukkan kutipan bagi lima (5) penyumbang utama hasil tahun 2019 berbanding tahun 2018.

**JADUAL 10**  
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI**  
**PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Premium Geran Tanah	1,008.37	618.74	389.63	63.0
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	465.99	461.68	4.31	0.9
3.	Tanah dan Galian	96.59	92.44	4.15	4.5
4.	Pemberian Bagi Membayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan di Bawah Senarai Bersama	79.62	72.94	6.68	9.2
5.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	75.25	74.52	0.73	1.0
<b>JUMLAH</b>		<b>1,725.82</b>	<b>1,320.32</b>	<b>405.50</b>	<b>30.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.4.5. Kedudukan kutipan lima (5) butiran hasil tersebut bagi tempoh lima (5) tahun dari tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 11**. Kutipan lima (5) hasil ini meningkat setiap tahun kecuali tahun 2018.

**JADUAL 11**  
**PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019**

BIL.	BUTIRAN	2015		2016		2017		2018		2019	
		(RM Juta)	(%)								
1.	Premium Geran Tanah	1,291.69	67.2	1,316.80	67.6	1,537.44	68.4	618.74	46.9	1,008.37	58.4
2.	Cukai Tanah Semasa/Berulang	409.40	21.3	417.74	21.5	480.74	21.4	461.68	35.0	465.99	27.0
3.	Tanah dan Galian	92.85	4.8	77.20	4.0	87.90	3.9	92.44	7.0	96.59	5.6
4.	Pemberian Bagi Membayai Perbelanjaan Mengurus Bagi Jabatan-Jabatan di Bawah Senarai Bersama	56.46	2.9	61.85	3.2	66.46	3.0	72.94	5.5	79.62	4.6
5.	Pemberian Mengikut Bilangan Orang	72.12	3.8	72.95	3.7	73.75	3.3	74.52	5.6	75.25	4.4
<b>JUMLAH</b>		<b>1,922.52</b>	<b>100.0</b>	<b>1,946.54</b>	<b>100.0</b>	<b>2,246.29</b>	<b>100.0</b>	<b>1,320.32</b>	<b>100.0</b>	<b>1,725.82</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 Hingga 2019

6.4.6. Analisis Audit mendapati justifikasi peningkatan kutipan hasil sejumlah RM321.65 juta (16.1%) pada tahun 2019 antaranya disebabkan oleh peningkatan lima (5) butiran hasil yang ketara. **Jadual 12** menunjukkan perbandingan bagi lima (5) butiran hasil berkenaan pada tahun 2019 dan 2018.

**JADUAL 12**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN HASIL YANG KETARA**  
**PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2019 (RM Juta)</b>	<b>2018 (RM Juta)</b>	<b>PENINGKATAN</b>		<b>JUSTIFIKASI PENINGKATAN</b>
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>	
<b>HASIL CUKAI</b>					
Tunggakan Cukai Tanah (61402)	56.02	30.79	25.23	81.9	<p>Peningkatan kutipan tunggakan cukai tanah adalah kerana Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) telah membuat tindakan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Mengeluarkan surat peringatan kepada pemilik-pemilik yang gagal menjelaskan cukai tanah.</li> <li>Melaksanakan OPS Kutip iaitu turun padang bertemu individu dan syarikat yang mempunyai tunggakan bagi mengemukakan Notis Peringatan Bayaran.</li> <li>Meminta bantuan agensi luar seperti Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) dan Jabatan Imigresen Malaysia dalam mengesan alamat pemilik atau waris.</li> </ul>
Tunggakan Cukai Petak (61412)	11.36	0.00	11.36	100.0	Cukai Petak berkuat kuasa mulai 1 Jun 2018. Tunggakan cukai petak bermula pada tahun 2019 bagi hak milik yang tidak membayar cukai petak tahun 2018. Pihak Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) dan PDT mula menerima pembayaran tunggakan cukai petak bermula tahun 2019.
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>					
Premium Geran Tanah (73604)	1,008.37	618.74	389.63	63.0	<p>Permohonan pembangunan berskala besar melibatkan tanah yang mempunyai kadar nilai yang tinggi telah membuat bayaran pada tahun 2019. Antaranya:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Petaling Garden RM113.62 juta, Tenaga Nasional Berhad (TNB) RM40.00 juta, Central Spectrum RM28.57 juta dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) RM8.09 juta. Terimaan di Pejabat Daerah dan Tanah Klang.</li> <li>Clarion Properties Sdn. Bhd. RM19.49 juta, Petaling Garden RM19.21 juta, Prestige Ceramics Sdn Bhd RM18.21 juta, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) RM6.02 juta dan Cipta Holdings RM5.49 juta. Terimaan di Pejabat Daerah dan Tanah Sepang.</li> </ul>
Denda Pekerjaan yang Tidak Memuaskan (76199)	8.97	3.86	5.11	132.4	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melaraskan kod akaun deposit <i>Liquidated and Ascertained Damages</i> (LAD) 79508 (amanah) ke kod 76199 (hasil) berjumlah RM8.16 juta bagi tiga (3) pusat tanggungjawab (PTJ) iaitu JKR Selangor, JKR Gombak, JKR Klang.</li> </ul>
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>					
Terimaan Geran Pelbagai (82399)	10.30	0.00	10.30	100.0	Pemberian Cukai Pelancongan yang merupakan pemberian baharu Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan negeri mulai tahun 2019 selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Kewangan Negara (MMKN) Tahun 2019 bertarikh 27 Mei 2019.

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENINGKATAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
	1.56	0.00	1.56	100.0	Geran tahunan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi bayaran elaun Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi kampung-kampung baharu sebanyak RM0.52 juta setiap setengah tahun bermula Jun 2018. Terimaan Jun 2018 telah diakaunkan pada tahun 2019.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.4.7. Analisis Audit juga telah dijalankan terhadap lima (5) butiran hasil menunjukkan penurunan ketara pada tahun 2019 seperti dalam **Jadual 13**.

**JADUAL 13**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN HASIL YANG KETARA**  
**PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PENURUNAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
<b>HASIL CUKAI</b>					
Cukai Hutan (61701)	45.06	47.68	(2.62)	(5.5)	Pengeluaran batu batu (kuari) pada tahun 2019 menurun berbanding tahun 2018 kerana kurangnya permintaan dan pengeluaran semasa.
<b>HASIL BUKAN CUKAI</b>					
Penanaman Modal/Pertaruhan Tetap (75490)	35.88	74.18	(38.30)	(51.6)	Penurunan jumlah baki awal deposit dalam negeri sebanyak RM440 juta. Baki awal tahun 2019 ialah RM736 juta manakala baki awal tahun 2018 adalah RM1.176 bilion. Selain itu penurunan kadar <i>Overnight Policy Rate</i> (OPR) menyebabkan penurunan kadar faedah yang diberikan oleh bank.
Gantirugi Dari Pampasan (Hutan) (76151)	1.93	96.29	(94.36)	(98.0)	Pada tahun 2018, terdapat bayaran ganti rugi pampasan secara <i>one off</i> daripada projek Tenaga Nasional Berhad (TNB) Tapah Bentong, Bentong Lenggeng, Kampung Pandan Ampang East.
<b>TERIMAAN BUKAN HASIL</b>					
Pulangbalik Perbelanjaan (81001)	6.43	12.15	(5.72)	(47.1)	Pada tahun 2018, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor telah menerima cek berjumlah RM12.06 juta bagi penyelarasan semula peruntukan perkhidmatan masyarakat Ahli Dewan Negeri dan Ahli Parlimen Negeri Selangor.
Pelbagai Hasil Tahun Lalu (81101)	23.67	47.62	(23.95)	(50.3)	Penurunan adalah disebabkan terimaan Pelbagai Hasil Tahun Lalu yang lewat diakaunkan oleh jabatan. Pada tahun 2019, Pejabat Bendahari telah mengambil inisiatif dengan lebih agresif bagi mengenal pasti terimaan yang tidak diperakaunkan oleh pusat tanggungjawab (PTJ). Oleh yang demikian, berlaku penurunan kod hasil 81101 pada tahun 2019 apabila terimaan dapat diperakaunkan oleh PTJ pada tahun semasa dengan kod hasil yang bersesuaian.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

## 6.5. Perbelanjaan Mengurus

6.5.1. Hasil Kerajaan negeri merupakan sumber utama yang akan digunakan bagi tujuan perbelanjaan mengurus dan pembangunan. Perbelanjaan mengurus terdiri daripada Maksud Tanggungan dan Maksud Bekalan. Maksud Tanggungan adalah perbelanjaan yang dikenakan ke atas Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan perbelanjaan hutang negeri. Manakala Maksud Bekalan merupakan emolumen, semua kenaan kepada peruntukan belanjawan bagi barang dan perkhidmatan serta bayaran pindahan seperti caruman kepada Kumpulan Wang Pembangunan. Pada tahun 2019, perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri adalah berjumlah RM2.516 bilion yang merupakan 94.6% daripada peruntukan diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor berjumlah RM2.659 bilion. Perbandingan perbelanjaan mengurus sebenar dengan peruntukan yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 14**.

**JADUAL 14**  
**PERBELANJAAN MENGURUS SEBENAR**  
**BERBANDING PERUNTUKAN DILULUSKAN PADA TAHUN 2019**

MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	BELANJA (%)
Emolumen	472.04	456.75	96.8
Perkhidmatan dan Bekalan	516.13	498.45	96.6
Aset	12.12	11.88	98.0
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap*	1,580.66	1,481.94	93.8
Perbelanjaan Lain	78.05	66.95	85.8
<b>JUMLAH</b>	<b>2,659.00</b>	<b>2,515.97</b>	<b>94.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

Nota: (\*) – Termasuk Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan Berjumlah RM1.290 bilion

6.5.2. Peruntukan yang diluluskan menurun sejumlah RM406.80 juta (13.3%) iaitu daripada RM3.066 bilion pada tahun 2018 kepada RM2.659 bilion pada tahun 2019. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 15**.

**JADUAL 15**  
**PERUNTUKAN DILULUSKAN BAGI**  
**PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

MAKSUD PERBELANJAAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	472.04	468.64	3.40	0.7
Perkhidmatan dan Bekalan	516.13	536.56	(20.43)	(3.8)
Aset	12.12	16.10	(3.98)	(24.7)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,580.66	1,969.61	(388.95)	(19.7)
Perbelanjaan Lain	78.05	74.89	3.16	4.2
<b>JUMLAH</b>	<b>2,659.00</b>	<b>3,065.80</b>	<b>(406.80)</b>	<b>(13.3)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.5.3. Perbelanjaan mengurus pada keseluruhannya menurun sejumlah RM101.82 juta (3.9%) iaitu daripada RM2.618 bilion pada tahun 2018 kepada RM2.516 bilion pada tahun 2019. Perbelanjaan mengurus tertinggi adalah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap berjumlah RM1.482 bilion di bawah Vot B06 iaitu Caruman Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan berjumlah RM1.290 bilion dan Vot B02 iaitu Dewan Negeri Selangor berjumlah RM77.81 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 16**.

**JADUAL 16**  
**PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

MAKSUD PERBELANJAAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	456.75	448.48	8.27	1.8
Perkhidmatan dan Bekalan	498.45	483.62	14.83	3.1
Aset	11.88	14.48	(2.60)	(18.0)
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	1,481.94	1,631.40	(149.46)	(9.2)
Perbelanjaan Lain	66.95	39.81	27.14	68.2
<b>JUMLAH</b>	<b>2,515.97</b>	<b>2,617.79</b>	<b>(101.82)</b>	<b>(3.9)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.5.4. Antara butiran perbelanjaan yang mencatat justifikasi peningkatan dan penurunan yang ketara pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 17** dan **Jadual 18**.

**JADUAL 17**  
**JUSTIFIKASI PENINGKATAN PERBELANJAAN**  
**MENGURUS YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
<b>EMOLUMEN</b>					
Gaji dan Upahan	266.93	262.15	4.78	1.8	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am): Peningkatan permohonan perbelanjaan dari tiga (3) Pusat Tanggungjawab (PTJ) iaitu Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) berjumlah RM0.88 juta, Jabatan Agama Islam (JAIS) berjumlah RM6.74 juta dan Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (MBSUK) berjumlah RM0.17 juta.
<b>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</b>					
Perhubungan dan Utiliti	45.81	40.62	5.19	12.8	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am): Peningkatan permohonan perbelanjaan dari dua (2) PTJ iaitu JAIS berjumlah RM3 juta serta Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat berjumlah RM0.13 juta.
Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti	233.89	227.63	6.26	2.7	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am): Peningkatan permohonan perbelanjaan dari 16 PTJ iaitu MBSUK berjumlah RM3.31 juta, JAIS berjumlah RM2.27 juta dan jabatan-jabatan lain berjumlah RM3.95 juta.

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN
			(RM Juta)	(%)	
<b>PERBELANJAAN LAIN</b>					
Bayaran-bayaran Lain	54.80	29.17	25.63	87.9	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am): Peningkatan perbelanjaan sejumlah RM30.55 juta berbanding tahun 2018 berjumlah RM17.89 juta. Antara pembayaran yang terlibat adalah bayaran penyelesaian kes mahkamah rayuan Malaysia kepada YC Pang, Chong & Gordon (RM1.85 juta) dan bayaran pertama arbitrasi di bawah Akta Timbang Tara kepada Triumph City Development (RM45 juta).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

**JADUAL 18**  
**JUSTIFIKASI PENURUNAN PERBELANJAAN**  
**MENGURUS YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENURUNAN
			(RM Juta)	(%)	
<b>ASET</b>					
Kenderaan dan Jentera	4.52	6.35	(1.83)	(28.8)	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am): Tiada peruntukan bagi perbelanjaan kenderaan dan jentera pada tahun 2019.
<b>PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP</b>					
Pemberian Dalam Negeri	1,448.13	1,563.47	(115.34)	(7.4)	Perbendaharaan Negeri (Perbelanjaan Am): Penurunan permohonan perbelanjaan sejumlah RM55.19 juta berbanding tahun 2018 berjumlah RM83.63 juta. Antara perbelanjaan yang terlibat adalah seperti berikut:  a. Penyaluran Geran Insentif Bantuan Perbelanjaan Mengurus Majlis Daerah Sabak Bernam berjumlah RM4.3 juta. b. Penyaluran Geran Membayai Pasukan Bola Sepak Negeri Selangor tahun 2020 berjumlah RM3.7 juta kepada Majlis Sukan Negeri Selangor. c. Penyaluran Geran menampung pembayaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan Lembaga Hasil Dalam Negeri berjumlah RM1.60 juta kepada Persatuan Bola Sepak Negeri Selangor. d. Penyaluran Geran Peruntukan Geran Tahunan bertujuan pengambilan Kompleks Sukan Shah Alam berjumlah RM4 juta kepada Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. e. 5. Penyaluran Geran Peruntukan belanjawan di bawah Vot B02 dan B29 (pelbagai perkhidmatan) berjumlah RM1.60 juta kepada Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan).

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.5.5. Peruntukan bagi lima (5) aktiviti/program berjumlah RM0.37 juta di empat (4) jabatan dan viremen peruntukan yang diluluskan bagi lima (5) aktiviti/program berjumlah RM1.08 juta di empat (4) jabatan tidak dibelanjakan.

Butiran adalah seperti dalam **Jadual 19** dan **Jadual 20**. Sementara itu, **Jadual 21** menyenaraikan (5) aktiviti/program di empat (4) jabatan bagi justifikasi perbelanjaan kurang daripada 50% berbanding peruntukan.

**JADUAL 19**  
**JUSTIFIKASI PERUNTUKAN MENGURUS TIDAK DIBELANJAKAN**

JABATAN	AKTIVITI/PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN ASAL (RM)	PERUNTUKAN KEMAS KINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	JUSTIFIKASI
Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)	Pentadbiran dan Kewangan <i>One-Off</i> (505002) • Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	290,000.00	37,000.00	0.00	Peruntukan kemas kini berjumlah RM37,000 merupakan sebahagian daripada peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan negeri bagi penyelenggaraan dua (2) Pejabat baru iaitu Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Sepang dan Hulu Langat. Peruntukan tersebut tidak dapat dibelanjakan kerana kerja penyelenggaraan telah menggunakan peruntukan yang dislaur dari Kerajaan Persekutuan.
Jabatan Kerja Raya(JKR)	Pembinaan dan Penyelenggaraan Bangunan (514000) • Bekalan Bahan Mentah dan Bahan – bahan untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	28,500.00	28,500.00	0.00	Tiada pertukaran alat ganti kenderaan dilakukan pada tahun 2019.
	Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Pengangkutan Barang-barang	16,435.00	16,435.00	0.00	Tiada tuntutan yang dibuat pada tahun 2019.
Jabatan Perhutanan	Pembangunan (561000) • Sumbangan Berkanun untuk kakitangan	24,968.86	24,968.86	0.00	Tiada kakitangan baru yang bertukar masuk dan kakitangan sedia ada telah bertukar kepada skim berpencen kerana sudah berkhidmat melebihi tiga (3) tahun.
Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor	Pembangunan Masyarakat Dasar Baru (524001) • Perhubungan dan Utiliti	10,000.00	10,000.00	0.00	Bil-bil elektrik lampu jalan telah dibayar oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar.
<b>JUMLAH</b>		<b>369,903.86</b>	<b>116,903.86</b>	<b>0.00</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

**JADUAL 20**  
**VIREMEN PERUNTUKAN MENGURUS YANG DILULUSKAN TIDAK DIBELANJAKAN**

AKTIVITI/ PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN	VIREMEN (RM)	PERUNTUKAN SELEPAS VIREMEN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	BAKI PERUNTUKAN (RM)	JUSTIFIKASI
<b>JABATAN AGAMA ISLAM</b>					
Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	487,861.64	4,730,215.96	3,977,645.83	752,570.13	Pembayaran tidak dapat dilakukan pada tahun 2019 dan akan diproses secara AP58(a) pada tahun 2020.
Pendidikan Islam (515000) • Bahan-bahan Makanan dan Minuman	100,000.00	3,625,459.50	2,982,928.75	642,530.75	Permohonan viremen telah dibuat untuk bayaran AP58(a) pada tahun 2020. Bagaimanapun, bayaran yang telah dilaksanakan sehingga Februari hanya berjumlah RM331,935.45 kerana tiada bekalan dibuat pada waktu cuti sekolah.
<b>JABATAN KERJA RAYA</b>					
Pembinaan dan Penyelenggaraan Bangunan (514000) • Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	284,000.00	7,819,379.87	7,476,811.25	342,568.62	Pembayaran tidak dapat dilakukan pada tahun 2019 dan akan diproses secara AP58(a) pada tahun 2020.
<b>PERUNTUKAN DIRAJA</b>					
• Elaun Tetap	110,304.18	4,525,489.88	4,103,632.07	421,857.81	Permohonan viremen adalah bagi menampung keperluan bayaran Elaun Tetap bagi sembilan (9) Kelas di bawah Peruntukan Diraja. Perbelanjaan telah dibelanjakan sepenuhnya bagi Kelas II, VII, VIII dan IX. Terdapat baki peruntukan berjumlah RM419,847.81 bagi Kelas III dan VI kerana tiada bayaran dibuat kepada 12 perjawatan Tentera Laut Diraja Malaysia dan Elaun Tetap Raja Puan Muda Selangor bagi tahun 2019.
<b>MAHKAMAH SYARIAH</b>					
Pentadbiran dan Kewangan (541000) • Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli	97,000.00	1,455,519.09	1,324,618.04	130,901.05	Baki peruntukan yang akan digunakan bagi pembayaran kontrak pembersihan, pendingin hawa dan genset berjumlah RM93,577.89 secara AP58(a) pada tahun 2020.
<b>JUMLAH</b>	<b>1,079,165.82</b>	<b>22,156,064.30</b>	<b>19,865,635.94</b>	<b>2,290,428.36</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

**JADUAL 21**  
**PERBELANJAAN MENGURUS KURANG DARIPADA 50% BERBANDING PERUNTUKAN**


JABATAN	AKTIVITI/PROGRAM DAN MAKSUD PERBELANJAAN	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM )	PERATUS BELANJA (%)	JUSTIFIKASI
Dewan Negeri Selangor	Pentadbiran dan Kewangan (505000) • Perhubungan dan Utiliti	238,722.49	61,969.74	25.9	Pihak pentadbiran telah mengambil langkah kawalan dalaman untuk penggunaan utiliti dan terdapat penjimatan pada tahun 2019.
Jabatan Kerja Raya (JKR)	Pembinaan dan Penyelenggaraan Bangunan (514000) • Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	180,000.00	27,120.00	15.1	Tiada perolehan pakaian keselamatan dilakukan pada tahun 2019.
	JKR Sepang (505600) • Faedah-Faedah Kewangan yang Lain	72,666.35	18,480.19	25.4	Terdapat pengurangan tuntutan bayaran balik untuk bil telefon, lesen kenderan dan CIDB.
Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri (SPN)	• Ganjaran	67,200.00	12,000.00	17.8	Pembayaran ganjaran pada tahun 2019 yang dibuat hanya untuk Tuan Pengerusi SPN. Manakala bagi Ahli Lembaga Pengarah yang lain akan dibayar pada tahun 2020.
Jabatan Agama Islam	Pendidikan Islam (515000) • Faedah-Faedah Kewangan yang Lain	63,262.20	13,262.20	20.9	Perbezaan sejumlah RM50,000 yang tidak dibelanjakan pada tahun 2019 adalah untuk bayaran secara AP58(a) pada tahun 2020.
<b>JUMLAH</b>		<b>621,851.04</b>	<b>132,832.13</b>	<b>21.4</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

#### **6.5.6. Bayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)**

- a. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa pembayaran untuk bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa. Pembayaran boleh dibuat dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan yang mencukupi pada tahun di mana bekalan/perkhidmatan tersebut diterima dan tiada sebarang keraguan tentang sebab berlaku kelewatan pembayaran tersebut. Pada tahun 2019, bayaran di bawah AP58(a) berjumlah RM26.19 juta, meningkat sejumlah RM18.39 juta (235.3%) berbanding RM7.81 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini berlaku disebabkan penutupan akaun dalam sistem SPEKS pada tahun 2019 dibuat lebih awal berbanding akaun tahun 2018. Trend pembayaran AP58(a) bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Carta 4**.


**CARTA 4**  
**BAYARAN DI BAWAH**  
**ARAHAN PERBENDAHARAAN 58 (a) PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

- b. Pada tahun 2019, jenis perbelanjaan AP58 (a) di bawah kod 20000, iaitu Bekalan dan Perkhidmatan menunjukkan bayaran tertinggi dari bulan Januari sehingga Disember (setiap suku tahun) berbanding kod 10000 (Emolumen) dan kod 40000 (Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap) seperti dalam **Carta 5**.

**CARTA 5**  
**PERBELANJAAN BAGI BAYARAN AP58 (a) MENGIKUT KOD PENJENISAN**



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- c. Analisis Audit terhadap pembayaran tanggungan 2018 yang dibayar pada tahun 2019 mendapati lima (5) jabatan tertinggi bagi perbelanjaan AP58(a) adalah seperti dalam **Jadual 22**.

**JADUAL 22**  
**PEMBAYARAN TANGGUNGAN TAHUN 2018 DI BAWAH AP58(a)**

<b>JABATAN</b>		<b>PERIHAL BAYARAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	Jabatan Agama Islam Selangor	Kerja-kerja pembersihan bangunan, Kontrak perkhidmatan kawalan keselamatan, tuntutan elaun lebih masa dan tuntutan elaun ketua pengawas PSARA	3,898,944
2.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Sewaan dan bacaan meter mesin penyalin, tuntutan elaun lebih masa, kontrak penyelenggaraan, pembersihan dan kawalan keselamatan	1,236,249
3.	Pejabat Tanah Dan Galian	Tuntutan elaun lebih masa, bayaran perkhidmatan perisian server dan bayaran sewaan mesin penyalin	1,076,959
4.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Daerah Klang	Kontrak penyelenggaraan parit dan kolam serta bayaran bacaan mesin penyalin	1,020,800
5.	Jabatan Pengairan Dan Saliran	Sewaan mesin penyalin, tuntutan elaun lebih masa, tuntutan elaun harian, menaik taraf pagar keselamatan dan kontrak pembersihan kawasan	991,232
<b>JUMLAH</b>			<b>8,224,184</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- d. Analisis Audit telah dijalankan bagi pembayaran AP58(a) selepas bulan Mei 2019. Hasil analisis menunjukkan sejumlah RM0.63 juta bayaran bagi bulan Jun hingga Disember 2019 melibatkan 296 baucar telah dibuat. **Jadual 23** menunjukkan lima (5) jabatan tertinggi yang terlibat.

**JADUAL 23**  
**PEMBAYARAN AP58(a) SELEPAS BULAN MEI 2019**

<b>JABATAN</b>		<b>PERIHAL BAYARAN</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	Jabatan Agama Islam	Kontrak pembersihan kawasan dan kawalan keselamatan	318,583
2.	Pejabat Tanah Dan Galian	Iklan warta kerajaan dan tuntutan elaun lebih masa	122,778
3.	Jabatan Kerja Raya	Bayaran khidmat talian internet, bacaan meter mesin penyalin dan kontrak kawalan keselamatan	49,660
4.	Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	Bayaran perkhidmatan <i>Audit Surveillance 2018</i>	28,078
5.	Pengelola Bijaya Diraja	Tuntutan bayaran balik bil telefon, tuntutan elaun lebih masa dan tuntutan perjalanan	23,783
<b>JUMLAH</b>			<b>542,882</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- e. Analisis Audit juga mendapati pembayaran di bawah AP58(a) yang dibayar pada bulan Januari hingga Disember 2019 mengikut bulan bil berdasarkan sampel Audit adalah sejumlah RM10.44 juta melibatkan 540 baucar bayaran. Antara jabatan yang terlibat adalah Jabatan Agama Islam Selangor, Jabatan

Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Selangor, JPS Daerah Klang, JPS Kuala Selangor dan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor. Kelewatan dalam menguruskan pembayaran kepada pihak pembekal/kontraktor ini menunjukkan wujud kelemahan dalam pengurusan pembayaran di jabatan yang berkenaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 24**.

**JADUAL 24**  
**PEMBAYARAN AP58(a) MENGIKUT BULAN BIL TAHUN 2018**

BIL.	BULAN BIL	BILANGAN BAUCAR	JUMLAH (RM)
1.	Januari	2	7,927
2.	Februari	1	3,194
3.	Mac	4	245,564
4.	April	4	6,908
5.	Mei	5	101,726
6.	Jun	2	6,364
7.	Julai	7	55,199
8.	Ogos	6	30,391
9.	September	8	32,312
10.	Oktober	52	964,205
11.	November	137	1,917,040
12.	Disember	312	7,072,626
<b>JUMLAH</b>		<b>540</b>	<b>10,443,456</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

- f. Semua bayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2019 telah dibuat mengikut peraturan kewangan yang ditetapkan. Antara tujuan bayaran ini adalah untuk bayaran perkhidmatan pembersihan, perkhidmatan penyenggaraan, perkhidmatan kawalan keselamatan, sewaan komputer dan mesin pencetak, percetakan dan pengiklanan, bil petrol dan diesel, bayaran balik emolumen, elaun lebih masa serta bil utiliti.
- g. Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengeluarkan arahan kepada semua jabatan di negeri Selangor supaya menyelesaikan semua pembayaran di bawah AP58(a) selewat-lewatnya pada 30 Jun 2020 dan permohonan selepas tarikh tersebut tidak perlu dipertimbangkan. Sekiranya ada, ia akan diproses di bawah AP59.

## 7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan bayaran yang berkaitan serta pindahan

penerimaan pinjaman ke Kumpulan Wang Pembangunan dan Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan.

7.2. Pada tahun 2019, kerajaan negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM12.44 juta daripada Kerajaan Persekutuan untuk membiayai Projek Menaik Taraf Rumah Pam.

7.3. Pada akhir tahun 2019, Akaun Pinjaman Disatukan menunjukkan baki sifar selepas RM12.44 juta dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan untuk membiayai projek selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan 5 (Akaun Pinjaman Disatukan). **Jadual 25** menunjukkan Akaun Pinjaman Disatukan yang berbaki sifar pada tahun 2018 dan 2019 serta urus niaga terimaan dan bayaran/pindahan yang berkaitan.

**JADUAL 25  
KEDUDUKAN AKAUN PINJAMAN DISATUKAN TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	0.00	0.00	0.00	0.00
Terimaan	12.44	17.68	(5.24)	(29.6)
Bayaran/Pindahan	12.44	17.68	(5.24)	(29.6)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>	<b>0.00</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

## 8. AKAUN AMANAH DISATUKAN


Akaun Amanah Disatukan mengakaun semua penerimaan dan pembayaran wang amanah mengikut kehendak akta amanah, arahan amanah dan surat ikatan amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957, undang-undang dan perjanjian. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Baki Akaun Amanah Disatukan pada 31 Disember 2019 berjumlah RM1.874 bilion berbanding RM1.672 bilion pada akhir tahun 2018 iaitu meningkat sejumlal RM202.19 juta (12.1%). Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 26** dan **Carta 6** menunjukkan kedudukan baki Akaun Amanah Disatukan bagi tempoh tahun 2015 hingga 2019.

**JADUAL 26**  
**KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
a. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	1,114.60	904.75	209.85	23.2
• <i>Kumpulan Wang Pembangunan</i>	50.00	41.44	8.56	20.7
• <i>Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan</i>	6.31	18.42	(12.11)	(65.7)
• <i>Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan</i>	1,031.14	821.42	209.72	25.5
• <i>Kumpulan Wang Pembangunan Hutan</i>	27.15	23.47	3.68	15.7
b. Kumpulan Wang Amanah Awam	376.26	423.29	(47.03)	(11.1)
c. Akaun Deposit	383.61	344.24	39.37	11.4
<b>JUMLAH</b>	<b>1,874.47</b>	<b>1,672.28</b>	<b>202.19</b>	<b>12.1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

**CARTA 6**  
**AKAUN AMANAH DISATUKAN TAHUN 2015 HINGGA 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

### 8.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan di bawah peruntukan Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 melalui resolusi Dewan Negeri Selangor dan hanya boleh digunakan bagi maksud ia ditubuhkan. Pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Negeri Selangor. Kumpulan wang ini terdiri daripada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan dan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

### **8.1.1. Kumpulan Wang Pembangunan**

#### **a. Prestasi Kewangan**

- i. Kumpulan Wang Pembangunan mengakaun terimaan dan bayaran pembangunan seperti yang diperuntukkan oleh Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406). Terimaan utama bagi kumpulan wang ini terdiri daripada pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan, pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud pembangunan, pemberian Persekutuan dan pelbagai terimaan. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2019 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

**JADUAL 27**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN**  
**PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2019 (RM Juta)</b>	<b>2018 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
Baki Pada 1 Januari	41.44	157.81	(116.37)	(73.7)
Terimaan	1,315.86	1,305.52	10.34	(0.8)
Perbelanjaan	1,307.30	1,421.89	(114.59)	(8.1)
<b>LEBIHAN/DEFISIT</b>	<b>8.56</b>	<b>(116.37)</b>	<b>(107.81)</b>	<b>(92.6)</b>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>50.00</b>	<b>41.44</b>	<b>8.56</b>	<b>20.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- ii. Pada tahun 2019, kumpulan wang ini telah mencatat lebihan berjumlah RM8.56 juta kerana terimaan berjumlah RM1.316 bilion melebihi perbelanjaan berjumlah RM1.307 bilion. Perkara ini menyebabkan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada akhir tahun 2019 meningkat menjadi RM50 juta berbanding RM41.44 juta pada akhir tahun 2018. Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

**JADUAL 28**  
**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

<b>JABATAN</b>	<b>2019 (RM Juta)</b>	<b>2018 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>	
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>
1. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	934.21	1,043.13	(108.92)	(10.4)
2. Jabatan Kerja Raya	188.10	177.73	10.37	5.8
3. Jabatan Agama Islam	87.38	91.54	(4.16)	(4.5)
4. Jabatan Pengairan dan Saliran	74.40	86.05	(11.65)	(13.5)
5. Jabatan Pertanian	13.37	12.39	0.98	7.9
6. Jabatan Perkhidmatan Veterinar	5.28	5.79	(0.51)	(8.8)

	JABATAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
7.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	2.70	3.02	(0.32)	(10.6)
8.	Pejabat Perbendaharaan Negeri <ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek Am</li> <li>• Pengkomputeran</li> </ul>	1.57 0.29	1.96 0.28	(0.39) 0.01	(19.9) 3.6
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,307.30</b>	<b>1,421.89</b>	<b>(114.59)</b>	<b>(8.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

### b. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan RMKe-11

- i. Pada tahun 2019, sejumlah RM1.307 bilion daripada peruntukan pembangunan berjumlah RM1.397 bilion telah dibelanjakan seperti dalam **Jadual 29** manakala **Jadual 30** menunjukkan pencapaian perbelanjaan pembangunan mengikut jabatan. Semua jabatan telah membelanjakan melebihi 80% daripada peruntukan pembangunan yang diluluskan.

**JADUAL 29**  
**PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-11 BAGI TAHUN 2019**

KAEDAH	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN	
			(%)	
Langsung	1,388.40	1,298.74	93.5	
Pinjaman	9.00	8.56	95.1	
<b>JUMLAH</b>	<b>1,397.40</b>	<b>1,307.30</b>	<b>93.5</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

**JADUAL 30**  
**PENCAPAIAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN RMKe-11**  
**BAGI TAHUN 2019 MENGIKUT JABATAN**

BIL.	JABATAN/PEJABAT	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN	
				(%)	
1.	Jabatan Perancangan Bandar dan Desa	2.72	2.70	99.3	
2.	Jabatan Kerja Raya	194.00	188.10	97.0	
3.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	981.23	934.21	95.2	
4.	Perbendaharaan Negeri	2.00	1.86	93.0	
5.	Jabatan Pertanian	15.79	13.37	84.7	
6.	Jabatan Pengairan dan Saliran	89.20	74.40	83.4	
7.	Jabatan Agama Islam	106.00	87.38	82.4	
8.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	6.46	5.28	81.7	
	<b>JUMLAH</b>	<b>1,397.40</b>	<b>1,307.30</b>	<b>93.5</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

- ii. Peruntukan bagi 20 projek pembangunan berjumlah RM3.60 juta di lima (5) jabatan tidak dibelanjakan. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 31**. Sementara itu, **Jadual 32** menyenaraikan 22 projek di tujuh (7) jabatan

di mana perbelanjaan adalah kurang daripada 50% berbanding peruntukan.

**JADUAL 31**  
**PERUNTUKAN PEMBANGUNAN TIDAK DIBELANJAKAN LANGSUNG**

BIL.	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	SEBAB
<b>MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI</b>				
1.	Kemudahan Awam PBT	243,700.00	0.00	Tiada sebarang permohonan diterima daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi projek kemudahan awam sepanjang tahun 2019.
2.	Pusat Latihan Inovasi, Sabak Bernam	200,000.00	0.00	Bayaran tidak dapat dibuat disebabkan isu baik pulih kecacatan yang masih belum disiapkan oleh pihak kontraktor.
3.	Muzium Tekstil	3,228.33	0.00	Projek masih di peringkat perancangan pihak Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT).
4.	Pusat Khidmat Krisis Sehenti	50,000.00	0.00	Peruntukan ini di bawah pelaksanaan program Jawatankuasa Tetap Kesihatan. Tiada sebarang kertas cadangan bagi penggunaan vot ini pada tahun 2019.
<b>JABATAN PERTANIAN</b>				
5.	TKPM Kalumpang (20 HA)	2,600.00	0.00	Projek ini telah ditutup dan peruntukan telah dipindahkan kepada projek lain. Baki RM2,600 merupakan baki yang tinggal setelah pindah peruntukan dibuat.
<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN</b>				
6.	Projek Tebatan Banjir di Kawasan Sungai Pinang	275,855.14	0.00	Tiada keperluan bagi bayaran perunding pada tahun 2019.
7.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Semenyih, Kampung Batu 3 Semenyih.	200,000.00	0.00	Peruntukan asal pada tahun 2019 adalah sejumlah RM10. Pindah peruntukan tambahan telah dibuat sejumlah RM50,000. Keperluan sebenar bagi bayaran muktamad hanya sejumlah RM25,233.30.
8.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Kelinsing, Dengkil.	470.00	0.00	Projek ini telah digugurkan dari senarai projek RMKe-11 melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil. 22/2018.
9.	Menaik Taraf Saliran di Sg. Batu, Gombak	762,000.00	0.00	Projek dalam proses reka bentuk dan akan ditender pada tahun 2020.
10.	Membina Stesen IP Kamera	170,000.00	0.00	Tiada keperluan untuk pembinaan stesen IP Kamera pada tahun semasa.
11.	Membina Tolok Banjir Beserta Sistem Pesanan Pendek	110,000.00	0.00	Tiada keperluan untuk pembinaan tolok banjir pada tahun 2019.
12.	Membina Kolam Takungan Banjir di Kampung Teluk Gadong, Klang.	1,530.00	0.00	Projek telah disiapkan pada 15.7.2018 dan bayaran akhir telah diselesaikan pada tahun 2018. Tiada keperluan peruntukan untuk bayaran muktamad pada tahun 2019.
13.	Kerja Mendalamkan Muara dan Membina Groynes di Sekinchan.	100,000.00	0.00	Projek ini dicadangkan untuk digugurkan kerana memerlukan tambahan siling bagi penyelesaian menyeluruh.
14.	Pembangunan Info Geospatial (GIS)	100,000.00	0.00	Tiada keperluan untuk pelaksanaan projek pada tahun 2019.
<b>JABATAN AGAMA ISLAM</b>				
15.	Sekolah Rendah Agama	200,000.00	0.00	Projek belum bermula.

BIL.	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM)	SEBAB
	Seksyen 7 Shah Alam			
16.	Masjid Kota Damansara 2	200,000.00	0.00	
17.	Masjid Al Amaniah (Naik Taraf)	375,564.97	0.00	Pelaksanaan projek telah dihentikan buat seketika.
18.	Surau Al Firdaus, Kampung Atap	10,000.00	0.00	Projek dalam tempoh waranti bayaran.
19.	Surau Al Mustaqim, Tamu Hill Fasa 3, Batang Kali	399,990.00	0.00	Projek belum mula.
<b>JABATAN VETERINAR</b>				
20.	Hospital Veterinar di Jalan Bukit, Kajang	197,000.00	0.00	Projek ini telah dibatalkan oleh MMKN dan siling peruntukan digunakan untuk projek menaik taraf Klinik Veterinar Daerah.
<b>JUMLAH</b>		<b>3,601,938.44</b>	<b>0.00</b>	

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

**JADUAL 32**  
**PERBELANJAAN PEMBANGUNAN KURANG DARIPADA 50% BERBANDING PERUNTUKAN**

BIL.	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM )	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
<b>PEJABAT MENTERI BESAR DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI</b>					
1.	Program Kemahiran Teknikal	24,509,200.00	7,335,549.06	29.9	Pelaksanaan Program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Ikhtisas Smart Selangor (IKTSASS) dengan kerjasama beberapa industri antarabangsa memerlukan penelitian dan kos efektif dan terpaksa dibawa ke tahun 2020.
2.	Menaik Taraf Produk Pelancongan	743,000.00	147,764.17	19.9	JKR Hulu Selangor memaklumkan tidak dapat membelanjakan jumlah peruntukan yang dirancang atas isu teknikal yang berbangkit semasa kerja menaik taraf Rumah Rehat Seri Berkat. Peruntukan yang sedia ada akan dibawa ke tahun hadapan.
3.	Pemuliharaan Tapak Pelupusan	1,345,000.00	364,494.00	27.1	Peruntukan ini baru diambil alih oleh Seksyen Pihak Berkua Tempatan.
<b>JABATAN PERTANIAN</b>					
4.	Tanaman Kekal	300,000.00	142,996.82	47.7	Pembayaran kepada pembekal tidak dapat dibuat pada 8 Disember 2019 kerana terdapat masalah teknikal pada sistem SPEKS.
5.	Pembangunan Tanaman Sayuran	400,000.00	196,499.78	49.1	
<b>JABATAN PERHUTANAN</b>					
6.	Pengurusan Hidrologi dan Zon Penampang Hutan Paya Gambut	336,000.00	82,372.50	24.5	kerja tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya oleh syarikat yang dilantik atas faktor cuaca yang tidak dijangka iaitu hujan yang berterusan menyebabkan kawasan dilimpahi air dan banjir.

BIL.	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM )	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
<b>JABATAN KERJA RAYA</b>					
7.	Menaik Aras Jambatan Sungai Jelok , Kajang.	18,000.00	7,885.49	43.8	Projek ini telah siap pada 6 Jun 2017 dan tempoh <i>Defect Liability Period</i> tamat pada 6 Jun 2018. Peruntukan tahun 2019 adalah untuk bayaran akhir dan Perakuan Muktamad.
<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN</b>					
8.	Projek Tebatan Banjir Klang	662,161.77	125,875.84	19.0	Baki peruntukan tidak dibelanjakan kerana tiada keperluan bagi bayaran perunding.
9.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Rasau Fasa 1 dan Fasa 2.	3,878,120.00	1,868,395.70	48.2	Projek mengalami kelewatan disebabkan isu pengalihan utiliti. Baki peruntukan telah dipulangkan.
10.	Projek Tebatan Banjir di Kampung Rantau Panjang.	141,000.00	29,589.94	21.0	Projek ini telah digugurkan daripada senarai projek RMKe-11.
11.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Rinching,Mukim Semenyih.	500,000.00	176,005.17	35.2	Projek dalam proses reka bentuk dan akan ditender pada tahun 2020.
12.	Projek Menaik Taraf Pam Dan Membina Kolam Takungan di Kampung Padang Jawa.	1,500,000.00	19,982.00	1.3	Projek dalam proses reka bentuk dan akan ditender pada tahun 2020.
13.	Projek Menaik Taraf Saliran Di Pekan Meru, Klang.	3,408,030.92	408,030.92	12.0	Projek mengalami kelewatan disebabkan isu pengalihan utiliti dan perubahan reka bentuk.
14.	Projek Menaik Taraf Kampung Jawa, Klang.	2,744,100.00	744,100.00	27.1	Projek mengalami kelewatan disebabkan isu pengalihan utiliti.
15.	Menaik Taraf Perangkap Sampah/Logboom Pelbagai Daerah	300,000.00	100,000.00	33.3	kerja menaik taraf Logboom dijalankan di daerah Sepang. Tiada keperluan di daerah lain.
<b>JABATAN AGAMA ISLAM</b>					
16.	SRA Ehyaul Falah 2, Sungai Besar	2,000,000.00	883,075.00	44.2	Kemajuan kerja di tapak perlahan dan projek dikategorikan sebagai lewat jadual.
17.	Masjid Seksyen 13 Shah Alam (Naik Taraf)	2,437,000.00	1,089,309.94	44.7	
18.	Masjid Subang Bestari	3,200,000.00	10,370.87	0.3	Projek dalam tindakan penyediaan dokumen tender.
19.	Masjid Kota Kemuning	4,803,000.00	2,349,927.14	48.9	Kemajuan kerja di tapak perlahan dan projek dikategorikan sebagai lewat jadual.
20.	Masjid Bandar Teknologi Kajang	700,000.00	107,736.51	15.4	Pelaksanaan projek baru bermula.
21.	Kerja Awalan dan Dokumentasi	11,152.70	2,165.45	19.4	Projek masih dalam peringkat perancangan.

BIL.	PERIHAL PROJEK	ANGGARAN (RM)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM )	PERATUS BELANJA (%)	SEBAB
<b>JABATAN VETERINAR</b>					
22.	Loji Penyembelihan	500,000.00	29,036.85	5.8	Projek tidak dapat dilaksanakan dalam tahun 2019 kerana kekangan masa. Pelaksanaan kerja akan dibuat dalam tahun 2020 dengan menggunakan kaedah <i>Design and Built</i> .

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

### c. Prestasi Pelaksanaan Projek Pembangunan RMKe-11

- i. Sebanyak 320 projek fizikal telah dirancang di bawah RMKe-11 untuk dilaksanakan. Sehingga 31 Disember 2019, sebanyak 114 projek (35.6%) telah disiapkan, 80 projek (25%) dalam peringkat pelaksanaan dan 126 projek (39.4%) berstatus belum mula/dalam perancangan/batal/gugur. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 33** dan **Carta 7**.


**JADUAL 33**  
**STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11**

BIL.	JABATAN/PEJABAT PELAKSANA	BILANGAN PROJEK DILULUSKAN	STATUS PROJEK		
			SIAP	SEDANG DILAKUKAN	BELUM MULA/DALAM PERANCANGAN/BATAL /GUGUR
1.	Jabatan Agama Islam Selangor	103	37	22	44
2.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	82	36	26	20
3.	Jabatan Kerja Raya	82	21	12	49
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	40	16	14	10
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	11	2	6	3
6.	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	2	2	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>320</b>	<b>114</b>	<b>80</b>	<b>126</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

Nota: Jabatan Perhutanan, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa serta Perbadanan Negeri Selangor hanya melaksanakan projek bukan fizikal dan tidak disenaraikan.

**CARTA 7**  
**STATUS PRESTASI PELAKSANAAN PROJEK RMKe-11**



Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri Dan Setiausaha Kerajaan Negeri

ii. Analisis lanjut terhadap pencapaian pelaksanaan projek RMKe-11 sehingga 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

- Daripada 80 projek dalam pelaksanaan, sebanyak 27 projek telah lewat jadual. Antara faktor yang menyumbang kepada projek lewat jadual adalah pengalihan utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM), terdapat bantahan penduduk di kawasan terlibat serta kelewatan pihak kontraktor memulakan kerja-kerja cerucuk. Lima (5) projek lewat jadual dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 tahun 2019 yang tertinggi adalah seperti dalam **Jadual 34**.

**JADUAL 34**  
**PROJEK LEWAT JADUAL DENGAN**  
**ANGGARAN PERUNTUKAN PEMBANGUNAN RMKe-11 YANG TERTINGGI**

BIL.	PROJEK	JABATAN	PERUNTUKAN (RM Juta)
1.	Maahad Integrasi Tahfidz Sains dan Teknologi Istana Bandar	Jabatan Agama Islam	5.40
2.	Menaik Taraf Jalan B23 Jalan Sungai Tua dan Persimpangan Kampung Bendahara, Sungai Tua	Jabatan Kerja Raya	5.00
3.	Menaik Taraf Jalan Melati, Kuang	Jabatan Kerja Raya	5.00
4.	Masjid Seksyen 13 Shah Alam	Jabatan Agama Islam	3.00
5.	Tempat Letak Kereta Awam Seksyen 5 Shah Alam	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	2.50

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- Daripada 126 projek belum mula/dalam perancangan/batal/gugur, sebanyak empat (4) projek belum dimulakan, 33 projek sedang dalam perancangan dan 89 projek telah dibatalkan/digugurkan. Butiran projek belum mula/dalam perancangan/batal/gugur mengikut jabatan adalah seperti dalam **Jadual 35**.

**JADUAL 35**  
**PROJEK BELUM MULA/DALAM PERANCANGAN/BATAL**

BIL.	JABATAN PELAKSANA	STATUS PROJEK		
		BELUM MULA	DALAM PERANCANGAN	BATAL/GUGUR
1.	Jabatan Kerja Raya	1	10	38
2.	Jabatan Agama Islam Selangor	-	8	36
3.	Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	1	7	12
4.	Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	2	8	-
5.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar	-	-	3
<b>JUMLAH</b>		<b>4</b>	<b>33</b>	<b>89</b>

Sumber: Unit Perancang Ekonomi Negeri, Setiausaha Kerajaan Negeri dan Jabatan

- Daripada empat (4) projek yang belum dimulakan, sebanyak satu (1) projek mempunyai peruntukan token dan tiga (3) projek tidak mempunyai peruntukan tahun 2019. Projek belum dimulakan kerana memberi laluan kepada pelaksanaan projek lain yang perlu diberi keutamaan.
- Sebanyak 89 projek pembangunan RMKe-11 telah dibatalkan melibatkan 38 projek di bawah Jabatan Kerja Raya, 36 projek di bawah Jabatan Agama Islam, 12 projek di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran serta tiga (3) projek di bawah seliaan Jabatan Perkhidmatan Veterinar. Antara sebab projek dibatalkan ialah kos yang diperlukan melebihi siling projek dan memberi laluan kepada pelaksanaan projek yang perlu diberi keutamaan selaras dengan anggaran peruntukan pembangunan RMKe-11 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan negeri. Daripada 89 projek yang dibatalkan, tiga (3) projek mempunyai peruntukan, 22 projek mempunyai peruntukan token dan 64 projek tidak mempunyai peruntukan tahun 2019. Projek yang telah dibatalkan dan mempunyai peruntukan adalah seperti dalam **Jadual 36**.

**JADUAL 36**  
**JUSTIFIKASI PEMBATALAN PROJEK**  
**YANG MEMPUNYAI PERUNTUKAN DALAM RMKe-11**

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN KEMASKINI (RM)	JUSTIFIKASI
<b>JABATAN KERJA RAYA NEGERI SELANGOR</b>				
1.	Menaik Taraf Jalan di Jalan Bukit Naga	500,000	215,000	Tiada keperluan menaik taraf jalan kecuali meningkatkan keselamatan untuk aspek
<b>JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN</b>				
2.	Projek Tebatan Banjir di Kampung Rantau Panjang	500,000	141,000	Kos untuk menyelesaikan banjir secara keseluruhan adalah tinggi dan cadangan penyelesaian secara menyeluruh melibatkan banyak pengambilan balik tanah.
3.	Projek Tebatan Banjir di Sungai Kelinsing, Dengkil	500,000	470	Hasil kajian yang dibuat oleh perunding mendapati jajaran yang dicadangkan melibatkan kos pengambilan tanah yang tinggi.

Sumber: Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor dan Jabatan Kerja Raya Selangor

### 8.1.2. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan ditubuhkan mengikut Seksyen 56 Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Terimaan kumpulan wang ini terdiri daripada pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan, caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan Ses Pembangunan Hutan.
- b. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan telah mencatat lebihan sejumlah RM3.68 juta pada tahun 2019 berbanding RM3.93 juta pada tahun 2018. Lebihan ini adalah daripada penerimaan berjumlah RM8.89 juta berbanding perbelanjaan berjumlah RM5.21 juta, menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada akhir tahun 2019 meningkat menjadi RM27.15 juta (15.7%) berbanding RM23.47 juta pada tahun 2018. Analisis perbandingan baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan pada tahun 2019 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 37**.

**JADUAL 37**  
**KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN HUTAN**  
**PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	23.47	19.54	3.93	20.1
Terimaan	8.89	9.03	(0.14)	(1.6)
Perbelanjaan	5.21	5.10	0.11	2.1
<b>LEBIHAN/DEFISIT</b>	<b>3.68</b>	<b>3.93</b>	<b>(0.25)</b>	<b>(6.4)</b>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>27.15</b>	<b>23.47</b>	<b>3.68</b>	<b>15.7</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

### 8.1.3. Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan bertujuan memberi kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam negeri, Anggota Pentadbiran Negeri, Ahli Dewan Negeri Selangor dan Badan Berkanun Negeri (Lembaga Urus Air Selangor serta Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor) untuk membeli harta tanah berupa tanah dan/atau rumah. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah caruman daripada Akaun Hasil Disatukan dan bayaran balik pinjaman perumahan. Unit Pinjaman, Perbadaharaan Negeri Selangor bertanggungjawab meluluskan pinjaman dan menyelenggara rekod perakaunan berkaitan pengeluaran dan bayaran balik pinjaman perumahan.
- b. Baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan menurun sejumlah RM12.11 juta (65.7%) daripada RM18.42 juta pada akhir tahun 2018 kepada RM6.31 juta pada akhir tahun 2019. Penurunan ini disebabkan oleh pinjaman diberi adalah melebihi bayaran balik pokok dan faedah pinjaman sejumlah RM12.11 juta. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 38**.

**JADUAL 38**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG PINJAMAN PERUMAHAN**  
**PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	18.42	24.47	(6.05)	(24.7)
Tambahan Caruman Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.0
Bayaran Balik Pinjaman	38.09	37.42	0.67	1.8
Faedah Pinjaman	1.25	1.19	0.06	5.0
Pinjaman Diberi	51.45	44.66	6.79	15.2
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>6.31</b>	<b>18.42</b>	<b>(12.11)</b>	<b>(65.7)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

#### **8.1.4. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan**

- a. Berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2019, Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulan Wang. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

**JADUAL 39**  
**KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG**  
**AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Penyelesaian	(123.32)	(170.41)	47.09	(27.6)
Akaun Perniagaan	2.39	1.98	0.41	20.7
Akaun Pinjaman	191.23	116.49	74.74	64.2
Kumpulan Wang Luar Jangka	8.10	8.10	0.00	0.0
Pelbagai Kumpulan Wang (Termasuk Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri dan Akaun Kena Bayar)	952.74	865.26	87.48	10.1
<b>JUMLAH</b>	<b>1,031.14</b>	<b>821.42</b>	<b>209.72</b>	<b>25.5</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- b. Pada akhir tahun 2019, jumlah baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan meningkat sejumlah RM209.72 juta (25.5%) kepada RM1.031 billion berbanding RM821.42 juta pada tahun 2018. Penyumbang utama kepada peningkatan ini ialah peningkatan baki Pelbagai Kumpulan Wang sejumlah RM87.48 juta. Peningkatan ketara ini disebabkan oleh peningkatan urus niaga Tabung Warisan Negeri Selangor sejumlah RM43.51 juta dan peningkatan peruntukan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor sejumlah RM25 juta pada tahun 2019. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri juga meningkat sejumlah RM6.79 juta pada tahun 2019. Sementara itu, baki Akaun Penyelesaian yang berbaki debit telah meningkat sejumlah RM47.09 juta, antaranya disumbangkan oleh Pelarasian Akaun Kumpulan Bekalan Air sejumlah RM12.27 juta setiap tahun dan peningkatan baki Akaun Penyelesaian Cek Terbatal sejumlah RM37.54 juta. Analisis Audit selanjutnya terhadap Tabung Warisan Negeri Selangor (TWNS), Akaun Penyelesaian dan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah seperti berikut:

### i. Tabung Warisan Negeri Selangor

- TWNS diwujudkan di bawah Enakmen Tabung Warisan 1991 yang bertujuan membolehkan Kerajaan negeri mengasingkan sebahagian jumlah wang daripada Akaun Hasil Disatukan bagi faedah dan kesejahteraan warisan akan datang. Kedudukan TWNS pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

**JADUAL 40**  
**KEDUDUKAN TABUNG WARISAN NEGERI SELANGOR**  
**PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Aset Semasa	111.23	92.08	19.15	20.8
Aset Bukan Semasa	539.97	515.64	24.33	4.7
<b>JUMLAH ASET</b>	<b>651.20</b>	<b>607.72</b>	<b>43.48</b>	<b>7.2</b>
Liabiliti Semasa	0.04	0.06	(0.02)	(33.3)
<b>JUMLAH ASET BERSIH</b>	<b>651.16</b>	<b>607.66</b>	<b>43.50</b>	<b>7.2</b>

Sumber: Penyata Kewangan Tabung Warisan Negeri Selangor Tahun 2019 dan 2018

- Penyumbang utama kepada peningkatan baki tabung berjumlah RM43.50 juta (7.2%) adalah peningkatan dalam lebihan tahun semasa. Antara penyumbang utama dalam lebihan tahun semasa adalah Pendapatan Dividen/Pelaburan Saham berjumlah RM26.30 juta, Sumbangan Anak Syarikat berjumlah RM7.20 juta dan Pelaburan Bon berjumlah RM4.52 juta. Pihak TWNS mengambil strategi untuk mengimbangi kedudukan pelaburan TWNS dengan memastikan pelaburan berisiko rendah dibuat dan dapat memberi pulangan pendapatan yang lebih stabil dalam situasi ekonomi masa kini.

### ii. Akaun Penyelesaian

Arahan Perbendaharaan 153 menetapkan semua urusan yang termasuk di bawah Akaun Penyelesaian antara Pejabat Perakaunan dan Kumpulan Wang Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan hendaklah diselesaikan secepat mungkin melalui Akaun Penyelesaian yang diwujudkan. Pada akhir tahun 2019, lima (5) Akaun Penyelesaian masih tidak berbaki sifar. Akaun yang berkaitan dan penerangan adalah seperti dalam **Jadual 41**.

**JADUAL 41**  
**AKAUN PENYELESAIAN TIDAK BERBAKI SIFAR TAHUN 2019**

<b>BUTIRAN</b>	<b>2019 (RM Juta)</b>	<b>2018 (RM Juta)</b>	<b>PERUBAHAN</b>		<b>CATATAN</b>
			<b>(RM Juta)</b>	<b>(%)</b>	
Akaun Semasa Antara Pentadbiran	2.50	2.50	0.00	0.0	Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan yang ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga, Akta Tatacara Kewangan 1957.
Akaun Penyelesaian Utama Perbendaharaan	2.30	2.30	0.00	0.0	Akaun ini tidak boleh disifarkan kerana merupakan Akaun Peruntukan kepada Akaun Urus Niaga bagi 103 akaun di bawah Akaun Penyelesaian.
Pelarasan Akaun Kumpulan Bekalan Air	(171.85)	(184.12)	12.27	(6.7)	Pelarasan berperingkat sejumlah RM12.27 juta setiap tahun telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri untuk dilaksanakan selama 20 tahun mulai tahun 2014 sehingga 2033. Akaun ini telah dilaraskan dengan RM12.27 juta bagi tahun 2019 di bawah Maksud Perbelanjaan Tanggungan T04 (Pelbagai di bawah Kod Belanja 42999 - Pemberian dan Bantuan Lain).
Akaun Penyelesaian Cek Terbatal	43.14	5.60	37.54	670.4	Sebanyak 8 keping cek terbatal berjumlah RM38 juta tidak dapat dibuat penggantian. Cek – cek tersebut merupakan cek yang dikeluarkan bagi kes pampasan tanah di mana masih belum ada keputusan muktamad dan hanya boleh dibuat permohonan penggantian sekiranya keputusan mahkamah telah dicapai.
Akaun Penyelesaian Pembatalan EFT	0.59	3.31	(2.72)	(82.2)	Terdapat penolakan ( <i>rejected</i> ) bayaran EFT berjumlah RM2.53 juta pada 27.12.2018. Bagaimanapun, penggantian EFT tersebut telah dibuat pada 2.1.2019.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

### **iii. Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri**

- Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan adalah untuk mengakaun pemberian daripada Kerajaan Persekutuan berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan. Kumpulan wang amanah ini digunakan untuk membiayai penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) serta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Pegawai Pengawal bagi akaun amanah ini ialah Pegawai Kewangan Negeri.

- Panjang jalan negeri di negeri Selangor menunjukkan peningkatan sejumlah 2,355.66 km daripada 21,119.16 km pada tahun 2018 kepada 23,474.82 km pada tahun 2019. Peningkatan ini disebabkan oleh perkara seperti berikut:
  - Kenaikan data jalan di bawah PBT melalui projek pencerapan data jalan raya bandaran, lorong belakang dan jalan kos perumahan murah yang dijalankan oleh pihak JKR Selangor bagi tujuan pendaftaran dalam sistem MARRIS.
  - Pemutihan data jalan dalam sistem MARRIS oleh setiap agensi bagi memastikan tiada data lama dan pertindihan data berlaku yang dilaksanakan dari semasa ke semasa setiap tahun.
- Pada tahun 2019, jumlah terimaan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri adalah sebanyak RM540.09 juta, terdiri daripada RM537.08 juta pemberian daripada Kerajaan Persekutuan dan RM3.01 juta adalah pelarasan bayaran balik. Pelarasan adalah daripada Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan Majlis Perbandaran Klang disebabkan pemulangan semula lebihan geran MARRIS kepada Perbadanan Negeri dan bayaran balik lebihan siling peruntukan tahun 2018. Baki Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri meningkat sejumlah RM6.79 juta (4.4%) daripada RM155.84 juta pada tahun 2018 kepada RM162.63 juta pada 2019. Peningkatan ini disebabkan terimaan pada tahun 2019 melebihi perbelanjaan berjumlah RM6.79 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 42**.
- Terima pemberian jalan negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi kumpulan wang amanah ini pada tahun 2019 berjumlah RM537.08 juta meningkat sebanyak RM9.92 juta (1.9%) berbanding RM527.16 juta pada tahun 2018. Peningkatan terimaan disebabkan peningkatan pendaftaran jalan baru di Negeri Selangor dalam MARRIS *Online* melalui Projek Pencerapan Data Jalan Kampung yang dijalankan oleh JKR Selangor.

**JADUAL 42**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	155.84	137.30	18.54	13.5
Terimaan	540.09	527.16	12.93	2.5
Bayaran	533.30	508.62	24.68	4.9
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>162.63</b>	<b>155.84</b>	<b>6.79</b>	<b>4.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri pada akhir tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 43** dengan peratus penggunaan (perbelanjaan berbanding terimaan) adalah antara 96.5% hingga 158.9%. Pada tahun 2019, prestasi perbelanjaan adalah 98.7% berbanding 96.5% pada tahun 2018.

**JADUAL 43**  
**KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH PENYENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019**

TAHUN	BAKI PADA 1 JANUARI (RM Juta)	TERIMAAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DISEMBER (RM Juta)	PENGUNAAN (%)
2015	803.94	470.58	747.67	526.85	158.9
2016	526.85	496.90	653.10	370.65	131.4
2017	370.65	511.93	745.28	137.30	145.6
2018	137.30	527.16	508.62	155.84	96.5
2019	155.84	540.09	533.30	162.63	98.7

Sumber: Penyata Terimaan dan Bayaran Kumpulan Wang Amanah Penyenggaraan Jalan Negeri

## 8.2. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.2.1. Kumpulan Wang Amanah Awam mengakaun terimaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut akta khas atau Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957. Sumber kewangan kumpulan wang ini adalah daripada Kerajaan negeri, badan lain dan orang perseorangan untuk tujuan tertentu. Pada akhir tahun 2019, Kerajaan negeri mempunyai 57 akaun amanah awam yang berbaki RM376.26 juta. Baki ini menurun sejumrah RM47.03 juta (11.1%) berbanding RM423.29 juta pada tahun 2018. Butiran seperti dalam **Jadual 44**. Penyumbang utama kepada penurunan baki ini adalah disebabkan penurunan baki Akaun Amanah Inisiatif Peduli Rakyat yang ketara berjumlah 18.85 juta dan Akaun Amanah Rumah Mampu Milik Negeri Selangor berjumlah RM25.62 juta. Pada tahun 2019, terdapat lima (5) akaun amanah baharu diwujudkan iaitu Akaun

Amanah Latihan BPSM, Akaun Amanah Majlis Pengurusan Komuniti Kampung, Akaun Amanah Sumbangan Anak Syarikat/Badan Berkanun, Akaun Amanah Santuari Sungai Chilling dan Akaun Amanah Program Inisiatif Kemahiran Teknikal.

**JADUAL 44**  
**KUMPULAN WANG AMANAH AWAM PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	423.29	533.28	(109.99)	(20.6)
Terimaan	316.44	357.00	(40.56)	(11.4)
Bayaran	363.47	466.99	(103.52)	(22.2)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>376.26</b>	<b>423.29</b>	<b>(47.03)</b>	<b>(11.1)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

8.2.2. Pekeliling Perbendaharaan (PP) – Pengurusan Wang Awam (WP) 10.4 menetapkan akaun amanah awam yang telah mencapai maksud penubuhannya, tidak diperlukan lagi, tidak lagi aktif untuk tempoh setahun hendaklah ditutup. Pada tahun 2019, tiada akaun amanah awam yang ditutup.

### 8.3. Akaun Deposit

8.3.1. Akaun Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am mengakaunkan wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah mana-mana undang-undang atau mengikut perjanjian dan dibayar balik apabila maksud tersebut telah dicapai atau selesai. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara yang digunakan sebelum bayaran dibuat atau pelarasan kepada akaun tertentu. Pada akhir tahun 2019, Kerajaan negeri mempunyai 21 Akaun Deposit berbaki RM383.61 juta yang diselenggarakan oleh 19 jabatan. Kedudukan Akaun Deposit pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 45**.

**JADUAL 45**  
**KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Deposit Am	381.49	343.30	38.19	11.1
Deposit Pelarasan	2.12	0.94	1.18	125.5
<b>JUMLAH</b>	<b>383.61</b>	<b>344.24</b>	<b>39.37</b>	<b>11.4</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018


8.3.2. Analisis Audit menunjukkan baki deposit telah meningkat sejumlah RM39.37 juta kepada RM383.61 juta pada tahun 2019 berbanding RM344.24 juta

pada tahun 2018. Penyumbang utama kepada peningkatan ini adalah peningkatan baki Akaun Deposit Lelong (79566) yang menunjukkan peningkatan sejumlah RM25.14 juta (16.7%) menjadikan baki Akaun Deposit Lelong (79566) pada tahun 2019 berjumlah RM175.47 juta berbanding RM150.33 juta pada tahun 2018. Manakala Akaun Deposit Wang Gantirugi (79508) menunjukkan penurunan paling ketara sejumlah RM8.15 juta (96%) menjadi RM0.34 juta pada tahun 2019 berbanding RM8.49 juta pada tahun 2018.

8.3.3. Deposit yang dikutip dan telah mencapai tujuannya tetapi tidak dituntut oleh pendeposit selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit diterima boleh dikembalikan kepada pendeposit dan hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang telah diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan. Analisis Audit juga menunjukkan sejumlah RM1.08 juta deposit tahun lalu yang tidak dituntut/diperlukan selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit diterima masih belum diwartakan.

8.3.4. Kedudukan Akaun Deposit bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Carta 8**. Baki Akaun Deposit menunjukkan peningkatan setiap tahun. Peningkatan ini disebabkan peletakan deposit tahun 2019 sejumlah RM199.27 juta.

**CARTA 8**  
**KEDUDUKAN AKAUN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

## 9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum menunjukkan kedudukan aset dan liabiliti Kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala liabiliti Kerajaan negeri terdiri daripada hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan.

## 9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Penyata Pinjaman Boleh Dituntut menunjukkan baki pinjaman oleh Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-badan Lain. Baki Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2019 adalah berjumlah RM1.191 bilion iaitu penurunan sejumlah RM103.84 juta (8%) berbanding RM1.295 bilion pada tahun 2018. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

**JADUAL 46**  
**KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**  
**PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

KATEGORI PEMINJAM	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Badan Berkanun Negeri	72.00	72.00	-	-
Pihak Berkuasa Tempatan	82.23	86.31	(4.08)	(4.7)
Badan-badan Lain	1,036.86	1,136.62	(99.76)	(8.8)
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>1,191.09</b>	<b>1,294.93</b>	<b>(103.84)</b>	<b>(8.0)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

9.1.2. Penurunan baki Pinjaman Boleh Dituntut berjumlah RM103.84 juta pada tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah disebabkan penyaluran pembiayaan pinjaman berjumlah RM92.86 juta serta jumlah faedah yang dikenakan berjumlah RM6.69 juta adalah lebih rendah berbanding jumlah penerimaan bayaran balik dan pelarasannya berjumlah RM203.39 juta. Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 47**.

**JADUAL 47**  
**KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2019**

AGENSI PEMINJAM	BAKI PINJAMAN 1.1.2019 (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA/ PINDAHAN (RM Juta)	FAEDAH DIKENAKAN DALAM TAHUN 2019 (RM Juta)	BAYARAN BALIK/ PELARASAN (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2019 (RM Juta)
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>					
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	72.00	-	3.20	3.20	72.00
<b>JUMLAH</b>	<b>72.00</b>	<b>-</b>	<b>3.20</b>	<b>3.20</b>	<b>72.00</b>
<b>PIHKAT BERKUASA TEMPATAN</b>					
Majlis Bandaraya Shah Alam	19.85	8.53	0.13	0.57	27.94
Majlis Perbandaran Subang Jaya	18.12	-	0.49	1.87	16.74
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	19.47	-	-	7.00	12.47
Majlis Daerah Kuala Selangor	12.46	-	-	1.38	11.08
Majlis Daerah Sabak Bernam	8.16	-	-	0.76	7.40
Majlis Daerah Kuala Langat	4.19	0.89	-	-	5.08

AGENSI PEMINJAM	BAKI PINJAMAN 1.1.2019 (RM Juta)	PENYALURAN PINJAMAN BARU/LAMA/ PINDAHAN (RM Juta)	FAEDAH DIKENAKAN DALAM TAHUN 2019 (RM Juta)	BAYARAN BALIK/ PELARASAN (RM Juta)	BAKI PINJAMAN 31.12.2019 (RM Juta)
Majlis Perbandaran Kajang	2.32	0.67	0.04	1.51	1.52
Majlis Perbandaran Selayang	1.74	-	-	1.74	-
<b>JUMLAH</b>	<b>86.31</b>	<b>10.09</b>	<b>0.66</b>	<b>14.83</b>	<b>82.23</b>
<b>BADAN-BADAN LAIN</b>					
Mantapmurni Sdn. Bhd.	-	408.20	-	150.00	258.20
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	668.03	(408.20)	1.03	16.53*	244.33
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	188.22	38.04	-	-	226.26
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	106.08	-	-	13.19	92.89
Yayasan Hijrah Selangor	37.50	25.00	-	-	62.50
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	48.93	-	1.80	1.80	48.93
Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	24.00	-	-	-	24.00
Landasan Lumayan Sdn. Bhd.	8.76	14.96	-	-	23.72
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	18.07	4.77	-	0.17	22.67
Yayasan Selangor	18.81	-	-	3.00	15.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	13.92	-	-	0.48	13.44
Kolej Antarabangsa INPENS	4.21	-	-	0.10	4.11
Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd.	0.09	-	-	0.09	-
<b>JUMLAH</b>	<b>1,136.62</b>	<b>82.77</b>	<b>2.83</b>	<b>185.36</b>	<b>1,036.86</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,294.93</b>	<b>92.86</b>	<b>6.69</b>	<b>203.39</b>	<b>1,191.09</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

Nota: (\*) - Faedah semasa berjumlah RM16.53 juta akan matang pada tahun 2022

9.1.3. Analisis Audit terhadap Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut tahun 2019 seperti dalam **Jadual 47** mendapati perkara seperti berikut:

- Pada tahun 2019, Kerajaan negeri telah menyalurkan pinjaman berjumlah RM92.86 juta. Sejumlah RM25.67 juta disalurkan untuk dua (2) pinjaman baharu manakala RM67.19 juta disalurkan untuk lima (5) pinjaman lama. Penyaluran pinjaman baharu adalah untuk tujuan dana tambahan pelaksanaan Program Hijrah Selangor sejumlah RM25 juta dan Menaik Taraf Bangunan Pejabat Majlis Perbandaran Kajang sejumlah RM0.67 juta.
- Sejumlah RM168.05 juta (82.6%) daripada RM203.39 juta bayaran balik/pelarasian merupakan bayaran balik pinjaman. Manakala baki sejumlah

RM35.34 juta (17.4%) adalah merupakan pelarasan bagi penjadualan semula dan pelupusan pinjaman.

- c. Pada tahun 2019, sejumlah RM424.73 juta pinjaman Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) bagi pengambilalihan saham Kumpulan Hartanah Selangor Berhad (KHSB) telah dipindahkan kepada Mantapmurni Sdn. Bhd.. Pinjaman yang dipindahkan akan dijadualkan semula dengan bayaran pokok sejumlah RM408.20 juta selama empat (4) tahun, bermula dari tahun 2019 hingga 2022. Faedah semasa sejumlah RM16.53 juta akan dipermodalkan pada tahun 2022. Pindahan ini menyumbang kepada penurunan sejumlah RM423.70 juta (63.4%) pinjaman KDEB berbanding RM668.03 juta pada tahun 2018.
- d. Baki pinjaman KDEB sejumlah RM244.33 juta pada akhir tahun 2019 adalah terdiri daripada pinjaman bagi Pembiayaan Kos Program Air Percuma 20 Meter Padu Pertama di Selangor berjumlah RM222.65 juta dan Bantuan kepada UNISEL berjumlah RM21.68 juta. Kedua-dua pinjaman ini tidak menunjukkan pergerakan bayaran balik pada tahun semasa. Pinjaman bagi Pembiayaan Kos Program Air Percuma 20 Meter Padu Pertama di Selangor akan dipermodalkan sepenuhnya dengan balasan pegangan Kerajaan negeri dalam Saham Keutamaan Boleh Tukar Boleh Tebus (*Redeemable Convertible Preference Shares*). Ia adalah selaras dengan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ke 35/2014 bertarikh 10 September 2014.
- e. Pada tahun 2019, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. mencatatkan peningkatan baki pinjaman daripada RM188.22 juta kepada RM226.26 juta berikutan penambahan penyaluran pinjaman bagi Projek Pengantian Paip Air Lama di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya berjumlah RM38.04 juta.

9.1.4. Kedudukan Pinjaman Boleh Dituntut bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 48** dan **Carta 9**.


**JADUAL 48**  
**KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT**  
**PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**

AGENSI PEMINJAM	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>					
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	104.00	88.00	88.00	72.00	72.00
Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor	50.44	34.63	-	-	-
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	2.20	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>156.64</b>	<b>122.63</b>	<b>88.00</b>	<b>72.00</b>	<b>72.00</b>
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>					
Majlis Bandaraya Shah Alam	4.14	2.90	1.67	19.85	27.94
Majlis Perbandaran Subang Jaya	7.23	18.82	23.83	18.12	16.74
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	7.91	25.16	24.33	19.47	12.47

AGENSI PEMINJAM	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Majlis Daerah Kuala Selangor	14.54	13.85	13.85	12.46	11.08
Majlis Daerah Sabak Bernam	9.59	8.51	8.96	8.16	7.40
Majlis Daerah Kuala Langat	-	-	-	4.19	5.08
Majlis Perbandaran Kajang	6.58	6.85	4.54	2.32	1.52
Majlis Perbandaran Selayang	10.42	7.48	4.50	1.74	-
<b>JUMLAH</b>	<b>60.41</b>	<b>83.57</b>	<b>81.68</b>	<b>86.31</b>	<b>82.23</b>
<b>BADAN-BADAN LAIN</b>					
Mantapmurni Sdn. Bhd.	-	-	-	-	258.20
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	658.77	658.07	657.37	668.03	244.33
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	33.22	33.22	88.22	188.22	226.26
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	56.11	58.10	100.85	106.08	92.89
Yayasan Hijrah Selangor	-	-	50.00	37.50	62.50
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	-	3.93	36.56	48.93	48.93
Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	30.00	28.00	26.00	24.00	24.00
Landasan Lumayan Sdn. Bhd.	-	-	7.70	8.76	23.72
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor	1.43	5.91	10.68	18.07	22.67
Yayasan Selangor	27.98	24.81	21.81	18.81	15.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	14.34	14.34	14.34	13.92	13.44
Kolej Antarabangsa INPENS	0.77	1.21	4.18	4.21	4.11
Perumahan Hartanah Selangor Sdn. Bhd.	0.45	0.33	0.21	0.09	-
Amanah Saham Selangor	8.00	4.00	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>831.07</b>	<b>831.92</b>	<b>1,017.92</b>	<b>1,136.62</b>	<b>1,036.86</b>
<b>BAKI PADA 31 DISEMBER</b>	<b>1,048.12</b>	<b>1,038.12</b>	<b>1,187.60</b>	<b>1,294.93</b>	<b>1,191.09</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

**CARTA 9**  
**KEDUDUKAN PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

9.1.5. Perbandingan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut antara tahun 2019 dengan 2018 seperti dalam **Jadual 49** menunjukkan penurunan sejumlah RM413.44 juta (81.7%) kesan daripada penurunan ketara amaun tunggakan yang dicatatkan oleh Badan-badan Lain. Faktor utama yang menyebabkan penurunan ketara tunggakan pinjaman adalah kerana pinjaman KDEB yang dipindahkan kepada Mantapmurni Sdn. Bhd. telah dijadualkan semula bermula tahun 2019 hingga 2022 dan Mantapmurni Sdn. Bhd. telah membuat bayaran penuh anuiti bagi tahun 2019 berjumlah RM150 juta. Penurunan tunggakan Pihak Berkuasa Tempatan pula disebabkan pelupusan pinjaman secara berperingkat bagi Majlis Daerah Kuala Selangor berjumlah RM1.38 juta setahun, bermula dari tahun 2018 hingga 2027. Selain itu, penurunan juga disebabkan pelarasan tunggakan bayaran pokok bagi dua (2) pinjaman Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) sehingga 31 Disember 2018 berjumlah RM0.69 juta. Pelarasan ini adalah selaras dengan keputusan MMKN yang meluluskan penjadualan semula bayaran balik bermula dari tahun 2020 hingga 2030.

**JADUAL 49**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK**  
**PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

AGENSI PEMINJAM	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Pihak Berkuasa Tempatan	12.60	14.67	(2.07)	(14.1)
Badan-badan Lain	79.87	491.24	(411.37)	(83.7)
<b>JUMLAH</b>	<b>92.47</b>	<b>505.91</b>	<b>(413.44)</b>	<b>(81.7)</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

9.1.6. Kedudukan tunggakan bayaran balik pinjaman Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Lain bagi tempoh tahun 2015 hingga 2019 dan pergerakan tunggakan bayaran balik pinjaman pada tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 50** dan **Jadual 51**.

**JADUAL 50**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN**  
**BALIK PINJAMAN BOLEH DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**

AGENSI PEMINJAM	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Badan Berkanun Negeri	18.90	10.36	-	-	-
Pihak Berkuasa Tempatan	10.82	10.12	17.16	14.67	12.60
Badan-badan Lain	48.59	54.68	60.74	491.24	79.87
<b>JUMLAH</b>	<b>78.31</b>	<b>75.16</b>	<b>77.90</b>	<b>505.91</b>	<b>92.47</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 Hingga 2019

**JADUAL 51**  
**PERGERAKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PADA TAHUN 2019**

AGENSI PEMINJAM	TUNGGAKAN 1.1.2019 (RM Juta)	ANUITI TAHUNAN (RM Juta)	JUMLAH PATUT DIJELASKAN SEHINGGA TAHUN 2019 (RM Juta)	PELARASAN /PINDAHAN (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)	TUNGGAKAN SETAKAT 31.12.2019 (RM Juta)
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>						
Majlis Daerah Kuala Selangor	12.46	-	12.46	1.38	-	11.08
Majlis Daerah Sabak Bernam	2.21	0.76	2.97	1.45	-	1.52
<b>JUMLAH</b>	<b>14.67</b>	<b>0.76</b>	<b>15.43</b>	<b>2.83</b>	<b>-</b>	<b>12.60</b>
<b>BADAN-BADAN LAIN</b>						
Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	-	33.22	33.22	-	-	33.22
Yayasan Selangor	15.33	3.48	18.81	3.00	-	15.81
Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	13.92	-	13.92	0.48	-	13.44
KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	-	10.80	10.80	-	1.80	9.00
Kumpulan Darul Ehsan Berhad	424.73	6.20	430.93	424.73	-	6.20
Konsortium ABBAS Sdn. Bhd.	-	2.00	2.00	-	-	2.00
Kolej Antarabangsa INPENS	-	0.30	0.30	-	0.10	0.20
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	37.26	-	37.26	37.26	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>491.24</b>	<b>56.00</b>	<b>547.24</b>	<b>465.47</b>	<b>1.90</b>	<b>79.87</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>505.91</b>	<b>56.76</b>	<b>562.67</b>	<b>468.30</b>	<b>1.90</b>	<b>92.47</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

## 9.2. Pelaburan

9.2.1. Pelaburan Kerajaan negeri dalam syarikat melalui Pejabat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI] ditunjukkan dalam Penyata Memorandum Pelaburan. Pelaburan dibuat sama ada menggunakan peruntukan mengurus atau pembangunan. Kedudukan pelaburan mengikut nilai buku pada 31 Disember 2019 dalam sembilan (9) syarikat adalah berjumlah RM191.10 juta. Jumlah pelaburan ini tidak berubah bagi lima (5) tahun berturut-turut sejak dari tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 52**. Tiada pembayaran dividen dibuat kepada Kerajaan negeri pada tahun 2019 berbanding dividen berjumlah RM67,385.14 yang diterima daripada PNB pada tahun 2018. Dividen terkumpul yang diterima mulai tahun 2015 hingga 2019 berjumlah RM81,957 adalah seperti **Jadual 53**.

**JADUAL 52**  
**KEDUDUKAN PELABURAN MELALUI MENTERI BESAR SELANGOR (PEMERBADANAN)**  
**PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**

SYARIKAT	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	104.06	104.06	104.06	104.06	104.06
Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd. (PIYS)	60.64	60.64	60.64	60.64	60.64
Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	24.00	24.00	24.00	24.00	24.00
Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM)	1.00	1.00	1.00	1.00	1.00
Invest Selangor Berhad (ISB)	0.60	0.60	0.60	0.60	0.60
Perbadanan Nasional Berhad (PNB)	0.50	0.50	0.50	0.50	0.50
Tourism Selangor Sdn. Bhd.	0.30	0.30	0.30	0.30	0.30
Rantaian Mesra Sdn. Bhd.*	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd.* (KSSB)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>191.10</b>	<b>191.10</b>	<b>191.10</b>	<b>191.10</b>	<b>191.10</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 Hingga 2019

**JADUAL 53**  
**DIVIDEN DITERIMA PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019**

TAHUN	JUMLAH PELABURAN (RM Juta)	DIVIDEN DITERIMA		SYARIKAT YANG MEMBAYAR
		JUMLAH (RM)	TAHUN KEWANGAN	
2015	191.10	0	-	-
2016	191.10	14,572	2009, 2013, 2014	PNB
2017	191.10	0	-	-
2018	191.10	67,385	2016 dan 2017	PNB
2019	191.10	0	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>81,957</b>			

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 Hingga 2019

9.2.2. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri tiada menerima apa-apa pembayaran dividen tunai daripada mana-mana anak syarikat. Bagaimanapun, MBI dan lima (5) anak syarikatnya iaitu PNSB, KDEB, DEF M, KSSB dan PIYS telah memberi pelbagai sumbangan berjumlah RM113.41 juta untuk menjayakan program dan aktiviti Kerajaan Negeri Selangor seperti dalam **Jadual 54**. MBI merupakan penyumbang tertinggi iaitu berjumlah RM75.92 juta. Manakala tiga (3) syarikat lain iaitu Tourism Selangor Sdn. Bhd., Invest Selangor Bhd. dan Rantaian Mesra Sdn. Bhd. yang tidak membayar dividen merupakan syarikat bukan berorientasikan keuntungan.

**JADUAL 54**  
**SUMBANGAN DITERIMA PADA TAHUN 2019**

SYARIKAT	BENTUK SUMBANGAN							JUMLAH (RM Juta)
	WIFI SELANGORKU (RM Juta)	SAMBUTAN PERAYAAN (RM Juta)	PENDIDIKAN (RM Juta)	PROGRAM SUKAN (RM Juta)	KOMUNITI (RM Juta)	ANAK SYARIKAT /TABUNG AMANAH (RM Juta)	LAIN-LAIN SUMBANGAN (RM Juta)	
MBI	15.47	3.86	12.67	1.08	13.97	18.03	10.83	75.91
KSSB	-	-	-	-	0.60	25.70	-	26.30
PNSB	-	0.28	0.68	0.76	0.06	6.23	0.05	8.06
KDEB	-	0.15	-	0.11	0.71	-	0.37	1.34
PIYSB	-	-	1.72	-	-	-	-	1.72
DEFM	-	-	-	0.07	-	-	0.01	0.08
<b>JUMLAH</b>	<b>15.47</b>	<b>4.29</b>	<b>15.07</b>	<b>2.02</b>	<b>15.34</b>	<b>49.96</b>	<b>11.26</b>	<b>113.41</b>

Sumber: Pemerbadanan Menteri Besar

### 9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri dari semasa ke semasa menerima pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunan. Hutang Awam Kerajaan negeri pada akhir tahun 2019 berbanding tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 55**.

**JADUAL 55**  
**HUTANG AWAM TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Projek Bekalan Air	1,084.76	1,072.32	12.44	1.2
2.	Amanah Saham Selangor	8.42	9.92	(1.50)	(15.1)
3.	Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	17.22	21.12	(3.90)	(18.5)
<b>JUMLAH</b>		<b>1,110.40</b>	<b>1,103.36</b>	<b>7.04</b>	<b>0.6</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

9.3.2. Pada tahun 2019, Hutang Awam telah mencatatkan peningkatan sejumlah RM7.04 juta (0.6%) kepada RM1.110 bilion berbanding RM1.103 bilion pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan jumlah terimaan wang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan berjumlah RM12.44 juta pada tahun 2019 untuk membiayai Projek Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan Bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Projek Menaiktaraf Rumah Pam). Bayaran balik pokok hutang yang telah dibuat hanya berjumlah RM5.40 juta dan faedah pinjaman berjumlah RM1.24 juta berbanding bayaran balik yang sepatutnya pada tahun 2019 adalah berjumlah RM35.19 juta. Bayaran balik Hutang Awam yang telah dibuat terdiri daripada bayaran balik

pinjaman Amanah Saham Selangor berjumlah RM1.50 juta dan Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya berjumlah RM3.90 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 56**.

**JADUAL 56**  
**PERGERAKAN HUTANG AWAM TAHUN 2019**

BUTIRAN	BAKI PADA 1 JAN 2019 (RM Juta)	TERIMAAN PINJAMAN (RM Juta)	BAYARAN POKOK PINJAMAN (RM Juta)	BAKI PADA 31 DIS 2019 (RM Juta)
<b>PROJEK BEKALAN AIR</b>				
a. Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti di Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (No. Pinjaman: 110B/2012/041)	27.00	0.00	0.00	27.00
b. Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2011/050)	39.34	0.00	0.00	39.34
c. Penjadualan Semula Pinjaman Projek Bekalan Air Negeri Selangor (No. Pinjaman: 110B/2011/051)	657.68	0.00	0.00	657.68
d. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (No. Pinjaman: 110B/2012/038)	66.94	0.00	0.00	66.94
e. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (No. Pinjaman: 110B/2012/039)	81.00	0.00	0.00	81.00
f. Projek Skim Pemindahan Pukal Rasa (No. Pinjaman: 110B/2012/040)	37.90	0.00	0.00	37.90
g. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP 1) (No. Pinjaman: 110B/2016/001)	20.17	0.00	0.00	20.17
h. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 (SSP 3) Bukit Badong. (No. Pinjaman: 110B/2016/002)	67.07	0.00	0.00	67.07
i. Projek Menaik Taraf dan Meningkatkan Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Langat (No. Pinjaman: 110B/2016/056)	48.18	0.00	0.00	48.18
j. Pelaksanaan Program Mitigasi Tambahan bagi Mengurangkan Risiko Berlakunya Krisis Bekalan Air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya (Projek Menaik Taraf Rumah Pam) (No. Pinjaman: 110B/2016/057)	27.04	12.44	0.00	39.48
<b>JUMLAH</b>	<b>1,072.32</b>	<b>12.44</b>	<b>0.00</b>	<b>1,084.76</b>
Amanah Saham Selangor	9.92	0.00	1.50	8.42
Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya	21.12	0.00	3.90	17.22
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>1,103.36</b>	<b>12.44</b>	<b>5.40</b>	<b>1,110.40</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

Nota: RM5.40 juta + RM1.24 juta (Faedah Pinjaman) = RM6.64 juta

9.3.3. Kedudukan Hutang Awam Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2015 hingga 2019 tidak mengalami perubahan yang ketara seperti dalam **Carta 10**.

**CARTA 10**  
**KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019**



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 Hingga 2019

9.3.4. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 57**.

**JADUAL 57**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN**  
**BALIK HUTANG AWAM PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019**

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
1. Projek Bekalan Air	12.36	14.67	13.86	0.00	28.55
2. Perumahan Awam Kos Rendah	14.73	0.00	0.00	0.00	0.00
<b>JUMLAH</b>	<b>27.09</b>	<b>14.67</b>	<b>13.86</b>	<b>0.00</b>	<b>28.55</b>

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 Hingga 2019

9.3.5. Baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam menurun dari tahun 2015 hingga 2018. Bagaimanapun pada akhir tahun 2019, baki tunggakan bayaran balik Hutang Awam menunjukkan peningkatan ketara berjumlah RM28.55 juta bagi projek bekalan air. Tunggakan ini adalah disebabkan tiada bayaran balik bagi Projek Bekalan Air dibuat pada tahun 2019 kerana hutang Projek Bekalan Air akan dinovasikan kepada Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) setelah proses penstrukturkan industri air selesai sepenuhnya.

## 10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu, ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima dan angka perbandingan.

### 10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah wang yang sepatutnya diterima oleh kerajaan pada sesuatu masa tetapi masih belum diterima. ABT terdiri daripada tunggakan hasil, tunggakan bayaran balik pinjaman dan tunggakan hutang lain. Pada tahun 2019, baki ABT berjumlah RM448.60 juta iaitu menurun sejumlah RM374.88 juta (45.5%) berbanding RM823.49 juta pada tahun 2018. Kedudukan ABT pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 58**.

**JADUAL 58**  
**KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BUTIRAN	2019 (RM)	2018 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
<b>TUNGGAKAN HASIL</b>				
1. Cukai Tanah	348,786,293	311,557,833	37,228,460	11.9
2. Lain-lain Hasil	986,384	3,980,814	(2,994,430)	(75.2)
3. Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	3,514,891	748,430	2,766,461	369.6
4. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri	97,240	71,342	25,898	36.3
5. Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut:				
a. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	0	17,775,509	(17,775,509)	(100.0)
c. Kumpulan Darul Ehsan Bhd	2,195,551	16,528,000	(14,332,449)	(86.7)
<b>JUMLAH</b>	<b>355,580,359</b>	<b>350,661,928</b>	<b>4,918,431</b>	<b>1.4</b>
<b>TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>				
1. Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	1,545,292	0	1,545,292	100.0
2. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri: Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	723,840	742,743	(18,903)	(2.5)
3. Pinjaman Boleh Dituntut:				
a. Yayasan Selangor	15,806,698	15,330,861	475,837	3.1
b. Pendidikan Industri YS Sdn. Bhd.	0	19,482,626	(19,482,626)	(100.0)
c. Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor	13,440,000	13,920,000	(480,000)	(3.4)
d. Majlis Daerah Sabak Bernam	1,520,000	2,208,110	(688,110)	(31.2)
e. Majlis Daerah Kuala Selangor	11,080,000	12,465,000	(1,385,000)	(11.1)
f. Kumpulan Darul Ehsan Bhd.	4,000,000	408,200,000	(404,200,000)	(99.0)

BUTIRAN	2019 (RM)	2018 (RM)	PERUBAHAN	
			(RM)	(%)
g. Institut Pendidikan Negeri Selangor	200,000	0	200,000	100.0
h. Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.	33,224,219	0	33,224,219	100.0
i. KDEB Waste Management Sdn. Bhd.	9,000,000	0	9,000,000	100.0
j. Konsortium ABASS Sdn. Bhd.	2,000,000	0	2,000,000	100.0
<b>JUMLAH</b>	<b>92,540,049</b>	<b>472,349,340</b>	<b>(379,809,291)</b>	<b>(80.4)</b>
<b>TUNGGAKAN HUTANG LAIN</b>				
1. Jabatan Agama Islam	166,787	168,775	(1,988)	(1.2)
2. Mahkamah Tinggi Syariah Negeri	194,800	214,150	(19,350)	(9.0)
3. Pejabat Tanah dan Galian	21,947	21,947	0	0.0
4. Pejabat Daerah dan Tanah Klang (Pentadbiran)	12,020	5,955	6,065	101.8
5. Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak	646	7,000	(6,354)	(90.8)
6. Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat	1,925	1,925	0	0.0
7. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Khidmat Pengurusan	19,796	26,157	(6,361)	(24.3)
8. Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri - Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	27,101	29,558	(2,457)	(8.3)
9. Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor	14,599	0	14,599	100.0
10. Jabatan Perancang Bandar dan Desa	22,960	0	22,960	100.0
<b>JUMLAH</b>	<b>482,581</b>	<b>475,467</b>	<b>7,114</b>	<b>1.5</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>448,602,989</b>	<b>823,486,735</b>	<b>(374,883,746)</b>	<b>(45.5)</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.2. Sebahagian besar penurunan ABT tahun 2019 berjumlah RM374.88 juta terdiri daripada penurunan tunggakan bayaran balik pinjaman berjumlah RM379.81 juta. Penyumbang utama kepada penurunan tunggakan bayaran balik pinjaman adalah pinjaman boleh dituntut Kumpulan Darul Ehsan Bhd. bertujuan pengambilalihan saham Kumpulan Hartanah Selangor Berhad. Merujuk maklum balas Perbendaharaan Negeri pada 4 Mei 2020, pinjaman KDEB telah dipindahkan ke Mantapmurni Sdn. Bhd.. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.15/2019 pada 12 Jun 2019 telah meluluskan cadangan penyelesaian pembayaran pinjaman sebanyak RM424.73 juta daripada KDEB kepada Mantapmurni Sdn. Bhd.

10.1.3. Tunggakan cukai tanah tahun 2019 telah meningkat sejumla RM37.23 juta (11.9%) berbanding tahun 2018. Kedudukan tunggakan cukai tanah mengikut Pejabat Daerah dan Tanah pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 59**.

**JADUAL 59**  
**TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT**  
**PEJABAT DAERAH DAN TANAH PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**


PEJABAT DAERAH DAN TANAH	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
1. Petaling	129.40	111.57	17.83	16.0
2. Klang	56.99	56.57	0.42	0.7
3. Gombak	51.15	52.86	(1.71)	(3.2)
4. Hulu Selangor	42.03	34.95	7.08	20.3
5. Hulu Langat	40.64	31.69	8.95	28.2
6. Sepang	12.32	8.53	3.79	44.4
7. Kuala Selangor	9.67	9.10	0.57	6.3
8. Kuala Langat	5.58	5.30	0.28	5.3
9. Sabak Bernam	1.01	0.99	0.02	2.0
<b>JUMLAH</b>	<b>348.79</b>	<b>311.56</b>	<b>37.23</b>	<b>11.9</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.4. Peningkatan tunggakan cukai tanah sejumlah RM17.83 juta di Pejabat Daerah Dan Tanah Petaling adalah disebabkan bil cukai tanah dan cukai petak tidak diterima oleh pemilik kerana alamat yang diberikan tidak lengkap dan pemilik telah berpindah tetapi tidak mengemas kini alamat. Ini menyebabkan cukai tidak dapat dibayar. Selain itu, terdapat bayaran yang dibuat oleh pemilik tidak dapat dikemas kini oleh sistem eHasil kerana sistem tersebut baru beroperasi mulai pertengahan bulan April 2018. Peningkatan tunggakan cukai tanah sejumlah RM8.95 juta di Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat pula disebabkan rekod hak milik yang didaftarkan bertindih dalam sistem eHasil iaitu geran telah didaftarkan dengan dua (2) nombor hak milik.

10.1.5. Analisis kedudukan tunggakan cukai tanah pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Carta 11**.

**CARTA 11**  
**KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**



Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.6. Analisis Audit mendapati daripada jumlah keseluruhan ABT pada tahun 2019 berjumlah RM448.60 juta, sejumlah RM167.90 juta merupakan ABT berusia melebihi enam (6) tahun. Kedudukan ABT berusia melebihi enam (6) tahun adalah seperti dalam **Jadual 60**.

**JADUAL 60**  
**KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA**  
**MELEBIHI ENAM (6) TAHUN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

KATEGORI/JABATAN	USIA ABT MELEBIHI 6 TAHUN		PERUBAHAN	
	2019 (RM)	2018 (RM)	(RM)	(%)
<b>TUNGGAKAN HASIL</b>				
1. Cukai Tanah	157,881,961	161,226,509	(3,344,548)	(2.1)
2. Lain-lain Hasil	94,244	324,316	(230,072)	(70.9)
3. Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	3,486,145	675,414	2,810,731	416.1
4. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri: - Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	69,340	71,342	(2,002)	(2.8)
5. Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan Dan Pinjaman) - Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut	0	2,051,188	(2,051,188)	(100.0)
<b>JUMLAH</b>	<b>161,531,690</b>	<b>164,348,769</b>	<b>(2,817,079)</b>	<b>(1.7)</b>
<b>TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN</b>				
1. Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	1,205,988	0	1,205,988	100.0

KATEGORI/JABATAN	USIA ABT MELEBIHI 6 TAHUN		PERUBAHAN	
	2019 (RM)	2018 (RM)	(RM)	(%)
2. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri: - Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	723,840	742,743	(18,903)	(2.5)
3. Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan Dan Pinjaman) -Tunggakan Faedah Pinjaman Boleh Dituntut – Tunggakan Pinjaman Dan Pendahuluan	4,410,000	3,552,140	857,860	24.2
<b>JUMLAH</b>	<b>6,339,828</b>	<b>4,294,883</b>	<b>2,044,945</b>	<b>47.6</b>
<b>TUNGGAKAN HUTANG LAIN</b>				
1. Jabatan Agama Islam	0	168,775	(168,775)	(100.0)
2. Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	21,947	21,947	0	0.0
3. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa	892	0	892	100.0
4. Jabatan Kehakiman Tinggi Syariah, Shah Alam	4,200	0	4,200	100.0
<b>JUMLAH</b>	<b>27,039</b>	<b>190,722</b>	<b>(163,683)</b>	<b>(85.8)</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>167,898,557</b>	<b>168,834,374</b>	<b>(935,817)</b>	<b>(0.6)</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

10.1.7. Berdasarkan jadual di atas, jumlah ABT berusia melebihi enam (6) tahun telah menurun sejumlah RM0.93 juta (0.6%) daripada RM168.83 juta pada tahun 2018 kepada RM167.90 juta. Keadaan ini disumbangkan oleh penurunan tunggakan hasil cukai tanah berusia melebihi enam (6) tahun sejumlah RM3.34 juta berbanding tahun 2018. Sebab utama penurunan cukai tanah ialah Pejabat Daerah dan Tanah mengadakan operasi ketuk pintu dan menghantar notis peringatan kepada pemilik yang mempunyai tunggakan serta mengeluarkan Notis 6A (tuntutan bayaran) kepada pemilik yang gagal menjelaskan bayaran tunggakan. Jika tiada bayaran diterima, Notis 8A pula dikeluarkan iaitu tindakan rampasan. Kedudukan ABT mengikut tempoh tunggakan adalah seperti dalam **Jadual 61**.

#### **JADUAL 61** **KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN**

BIL.	KATEGORI/JABATAN	1 TAHUN 2019 (RM)	1 – 3 TAHUN 2019 (RM)	3 – 6 TAHUN 2019 (RM)	> 6 TAHUN 2019 (RM)
<b>TUNGGAKAN HASIL</b>					
1.	Cukai Tanah	114,333,621	37,634,848	38,935,864	157,881,961
2.	Lain-lain Hasil	168,814	516,222	207,103	94,244
3.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/ Kenderaan/Komputer	0	8,960	19,786	3,486,145

BIL.	KATEGORI/JABATAN	1 TAHUN 2019 (RM)	1 – 3 TAHUN 2019 (RM)	3 – 6 TAHUN 2019 (RM)	> 6 TAHUN 2019 (RM)
4.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri:  Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Kuarters)	2,625	21,375	0	0
	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (Unit Taska)	3,900	0	0	0
	Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	0	0	0	69,340
5.	Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman)- Tuggakan Faedah Pinjaman Boleh Ditutut	2,195,551	0	0	0
<b>JUMLAH</b>		<b>116,704,511</b>	<b>38,181,405</b>	<b>39,162,753</b>	<b>161,531,690</b>

#### TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN

1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri: - Seksyen Sektoral (Tabung Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Belia)	0	0	0	723,840
2.	Perbendaharaan Negeri (Analisis Pemantauan Pelaburan Dan Pinjaman)-Tuggakan Faedah Pinjaman Boleh Ditutut	52,660,056	12,296,028	20,904,833	4,410,000
3.	Perbendaharaan Negeri Pinjaman Perumahan/Kenderaan/Komputer	89,808	200,581	48,915	1,205,988
<b>JUMLAH</b>		<b>52,749,864</b>	<b>12,496,609</b>	<b>20,953,748</b>	<b>6,339,828</b>

#### TUNGGAKAN HUTANG LAIN

1.	Pejabat Daerah Dan Tanah Klang	6,365	0	5,655	0
2.	Jabatan Kerja Raya Daerah Gombak	646	0	0	0
3.	Jabatan Kerja Raya Daerah Hulu Langat	0	1,924	0	0
4.	Pejabat Tanah Dan Galian Selangor	0	0	0	21,947
5.	Jabatan Agama Islam	0	0	166,787	0
6.	Mahkamah Tinggi Syariah Negeri	16,650	64,250	109,700	4,200
7.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri:				
	Bahagian Khidmat Pengurusan (Unit Kewangan)-Pendahuluan Diri	19,796	0	0	0

BIL.	KATEGORI/JABATAN	1 TAHUN 2019 (RM)	1 – 3 TAHUN 2019 (RM)	3 – 6 TAHUN 2019 (RM)	> 6 TAHUN 2019 (RM)
	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	5,021	20,746	1,334	0
8.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor	14,599	0	0	0
9.	Jabatan Perancang Bandar Dan Desa Negeri Selangor	0	11,911	10,158	892
<b>JUMLAH</b>		<b>63,077</b>	<b>98,831</b>	<b>293,634</b>	<b>27,039</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>169,517,452</b>	<b>50,776,845</b>	<b>60,410,135</b>	<b>167,898,557</b>

Sumber: Pejabat Perbendaharaan Negeri

## 11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

11.1. baki Kumpulan Wang Disatukan meningkat sejumlah RM6.39 juta (0.3%), iaitu daripada RM2.135 bilion pada tahun 2018 menjadi RM2.142 bilion;

11.2. Akaun Hasil Disatukan mencatat defisit sejumlah RM195.80 juta. Namun defisit tahun 2019 adalah lebih kecil berbanding defisit RM619.27 juta yang dicatatkan pada tahun 2018. Dengan itu, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM267.29 juta;

11.3. kutipan hasil meningkat sejumlah RM321.65 juta (16.1 %), iaitu daripada RM1.999 bilion pada tahun 2018 menjadi RM2.320 bilion pada tahun 2019. Perbelanjaan mengurus pula menurun sebanyak RM101.82 juta (3.9%), iaitu daripada RM2.618 bilion menjadi RM2.516 bilion;

11.4. baki Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut masing-masing menurun sejumlah RM103.84 juta (8%) dan RM413.44 juta (81.7%);

11.5. Hutang Awam meningkat sejumlah RM7.04 juta (0.6%) pada tahun 2019 manakala tunggakan Hutang Awam meningkat sejumlah RM28.55 juta iaitu 100% kerana tiada tunggakan Hutang Awam pada tahun 2018;

11.6. Akaun Belum Terima menurun sejumlah RM374.88 juta (45.5%) manakala tunggakan cukai tanah meningkat sejumlah RM37.23 juta (11.9%); dan

11.7. prestasi perbelanjaan pembangunan di bawah RMKe-11 bagi tahun 2019 adalah baik iaitu sejumlah RM1.312 bilion (93.6%) telah dibelanjakan. Sehingga akhir tahun 2019, sebanyak 114 projek (35.6%) telah disiapkan, 80 projek (25%) sedang dalam pelaksanaan dan 126 projek (39.4%) belum mula/dalam perancangan/batal.

## **12. SYOR AUDIT**

Bagi mempertingkat dan memperkuuhkan lagi prestasi kewangan, Kerajaan negeri disyorkan untuk mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- 12.1. meningkatkan usaha untuk mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman/hutang lain daripada jabatan/agensi kerajaan;
- 12.2. memastikan jabatan-jabatan negeri mengambil langkah proaktif untuk memastikan tuntutan/bil diterima dan diselesaikan pembayarannya sebelum tarikh penutupan akaun bagi mengurangkan pembayaran di bawah AP 58 (a); dan
- 12.3. meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.



## **BAHAGIAN III**

**PENYERAHAN, PENGESAHAN,  
PEMBENTANGAN PENYATA  
KEWANGAN DAN PRESTASI  
KEWANGAN AGENSI NEGERI**



### **BAHAGIAN III**

#### **PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI**

##### **FAKTA UTAMA**

<b>Bilangan Agensi Negeri</b>	<b>26 Akaun Agensi</b>
<b>PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2019</b>	<b>13</b> Badan Berkanun Negeri
	<b>12</b> Pihak Berkuasa Tempatan
	<b>1</b> Majlis Agama Islam
	<b>25</b> Belum Disahkan

#### **1. PENDAHULUAN**

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

#### **2. PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**

2.1. Pada tahun 2020, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 26 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, 13 merupakan penyata kewangan BBN yang ditubuhkan mengikut Akta Tubuh/Enakmen Badan Berkanun Negeri, 12 merupakan penyata kewangan PBT yang ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan satu (1) MAI yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003.

2.2. Jabatan Audit Negara telah menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi MAI manakala baki 25 penyata kewangan dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS adalah selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

### 3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Daripada 13 BBN, tiga (3) telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2020. Lapan (8) BBN mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan manakala baki dua (2) BBN masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Bagi BBN yang lewat/belum mengemukakan penyata kewangan, tiada bukti penangguhan tempoh mengemukakan penyata kewangan telah diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor (PNS). Daripada 12 PBT pula, sebanyak 11 telah mengemukakan penyata kewangan sebelum 30 Jun 2020, iaitu dalam tempoh penangguhan yang diluluskan oleh PNS. Baki satu (1) PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam masih belum mengemukakan penyata kewangan dan telah diluluskan penangguhan oleh PNS sehingga 30 Oktober 2020. Majlis Agama Islam Selangor telah mengemukakan penyata kewangan pada 12 Jun 2020. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBESER 2019**

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Perbadanan Wakaf Selangor	23.04.2020
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	29.04.2020
3.	Lembaga Urus Air Selangor	30.04.2020
4.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	05.05.2020
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	22.05.2020
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	28.05.2020
7.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	22.06.2020
8.	Majlis Sukan Negeri Selangor	26.06.2020
9.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	08.07.2020
10.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	20.07.2020
11.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	20.07.2020
12.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	Belum Terima
13.	Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria	Belum Terima
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Selangor	12.06.2020
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Perbandaran Sepang	21.05.2020
2.	Majlis Daerah Hulu Selangor	21.05.2020
3.	Majlis Perbandaran Selayang	22.05.2020
4.	Majlis Daerah Kuala Langat	25.06.2020
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	29.06.2020
6.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	30.06.2020

BIL.	AGENSI	TARIKH PENYERAHAN
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	30.06.2020
8.	Majlis Perbandaran Klang	30.06.2020
9.	Majlis Perbandaran Kajang	30.06.2020
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	30.06.2020
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	30.06.2020
12.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

3.2. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditable*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditable* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

#### 4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Setakat 1 Januari 2017, piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)*.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi bagi tahun kewangan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN OLEH AGENSI BAGI TAHUN KEWANGAN 2019**

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BIL. AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)</i>	11
2.	<i>Financial Reporting Standards (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)</i>	-
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	15
<b>JUMLAH</b>		<b>26</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

## 5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara mengenai penyata kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis Pendapat Audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

### 5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan.

### 5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian apabila juruaudit ingin menyatakan Pendapat Diubahsuai seperti berikut:

#### 5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

##### a. Perenggan *Emphasis of Matter*

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

### **b. Perenggan Hal-Hal Lain (*Other Matter*)**

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Sijil Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Sijil Audit.

### **c. Perkara Utama Audit [*Key Audit Matter (KAM)*]**

ISSAI 1701 menyatakan perenggan Perkara Utama Audit (KAM) meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai tadbir urus.

#### **5.2.2. Perkara yang Menjeaskan Pendapat Juruaudit**

##### **a. Pendapat Berteguran**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti audit yang mencukupi untuk dijadikan atas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

##### **b. Pendapat Bertentangan**

Pendapat yang dinyatakan oleh juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian.

##### **c. Penafian Pendapat**

Pendapat ini dinyatakan oleh juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, penafian pendapat turut diberi dalam situasi di mana walaupun juruaudit telah memperoleh bukti audit yang mencukupi mengenai setiap ketidaktentuan, tetapi tidak dapat

memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Jabatan Audit Negara telah mengesahkan sebanyak 26 penyata kewangan tahun 2018 iaitu 13 penyata kewangan BBN, 12 penyata kewangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI. Setakat 15 Ogos 2020, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan satu (1) daripada 26 penyata kewangan tahun 2019, iaitu Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor dan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tahun kewangan 2015 sehingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**JENIS PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN BAGI PENYATA KEWANGAN AGENSI**  
**BAGI TAHUN KEWANGAN 2015 SEHINGGA 2019**

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN				
		2015	2016	2017	2018	2019*
1.	Pendapat Tanpa Teguran	21	21	20	18	1
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	1	1	2	3	-
3.	Pendapat Berteguran	4	4	4	4	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	1	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>		<b>26</b>	<b>26</b>	<b>26</b>	<b>26</b>	<b>1</b>

Sumber: Penyata Kewangan Agensi Tahun 2015-2019

Nota: (\*) Pengesahan sehingga 15 Ogos 2020

5.4 Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 26 agensi bagi tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4**  
**STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN**  
**BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN**  
**PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

BIL.	AGENSI	STATUS PENGAUDITAN
<b>BADAN BERKANUN NEGERI</b>		
1.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	Selesai
2.	Perbadanan Wakaf Selangor	Dalam proses pengauditan
3.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	Dalam proses pengauditan
4.	Lembaga Urus Air Selangor	Dalam proses pengauditan
5.	Kumpulan Wang Hospital Tai Wa	Dalam proses pengauditan
6.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Dalam proses pengauditan
7.	Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee	Dalam proses pengauditan
8.	Majlis Sukan Negeri Selangor	Dalam proses pengauditan

BIL.	AGENSI	STATUS PENG AUDITAN
9.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	Dalam proses pengauditan
10.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	Dalam proses pengauditan
11.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	Dalam proses pengauditan
12.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	Belum Terima
13.	Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria	Belum Terima
<b>MAJLIS AGAMA ISLAM</b>		
1.	Majlis Agama Islam Selangor	Dalam proses pengauditan
<b>PIHAK BERKUASA TEMPATAN</b>		
1.	Majlis Perbandaran Sepang	Dalam proses pengauditan
2.	Majlis Daerah Hulu Selangor	Dalam proses pengauditan
3.	Majlis Perbandaran Selayang	Dalam proses pengauditan
4.	Majlis Daerah Kuala Langat	Dalam proses pengauditan
5.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Dalam proses pengauditan
6.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Dalam proses pengauditan
7.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	Dalam proses pengauditan
8.	Majlis Perbandaran Klang	Dalam proses pengauditan
9.	Majlis Perbandaran Kajang	Dalam proses pengauditan
10.	Majlis Daerah Kuala Selangor	Dalam proses pengauditan
11.	Majlis Daerah Sabak Bernam	Dalam proses pengauditan
12.	Majlis Bandaraya Shah Alam	Belum Terima

Sumber: Jabatan Audit Negara

5.5. Bagi tahun kewangan 2018, sebanyak sembilan (9) penyata kewangan BBN, lapan (8) penyata kewangan PBT dan satu (1) penyata kewangan MAI telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak tiga (3) penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter*. Empat (4) penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Berteguran dan satu (1) penyata kewangan telah diberikan Pendapat Bertentangan seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN  
*EMPHASIS OF MATTER* DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018**

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
<b>PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN <i>EMPHASIS OF MATTER</i></b>		
1.	Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)	MSNS mengalami kerugian bersih sebanyak RM11.05 juta dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan pada tarikh tersebut, liabiliti semasa telah melebihi aset semasa sebanyak RM25.71 juta dan mempunyai defisit dalam dana terkumpul sebanyak RM6.13 juta. Kedudukan kewangan ini memberikan keraguan terhadap keupayaan MSNS untuk meneruskan operasi sebagai suatu entiti dengan andaian usaha berterusan ( <i>going concern</i> ).

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
2.	Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS)	Kelemahan dalam pengurusan wang Cagarans Commisioner of Building (COB) berkaitan kutipan yuran pengurusan berjumlah RM759,390 yang ditunjukkan sebagai liabiliti di penyata kewangan. MDHS telah mengutip yuran pengurusan tersebut sejak tahun 2010 daripada penduduk bagi tujuan penyelenggaraan. Kutipan tersebut dibuat oleh MDHS disebabkan pada ketika itu tiada Joint Management Body (JMB) bagi beberapa perumahan jenis kondominium, apartmen dan pangsapuri. Terdapat kemungkinan perbelanjaan penyelenggaran tidak dilaraskan ke wang Cagarans COB, sebaliknya dicaj sebagai perbelanjaan MDHS. Ini menyebabkan kemungkinan liabiliti dan Kumpulan Wang Majlis masing-masingnya terlebih dan terkurang nyata. Oleh itu MDHS disaran untuk mengambil tindakan pelarasan yang sewajarnya.
3.	Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL)	Pelarasan tahun lepas sebanyak RM975,511 dibuat tanpa disokong dengan bukti selain jurnal pelarasan untuk membetulkan baki tersebut. Oleh itu, baki bank yang berkenaan pada 31 Disember 2017 telah dinyatakan semula pada jumlah RM7,148,130 berbanding jumlah terdahulu RM8,313,916. Bagaimanapun, baki bank tersebut pada 31 Disember 2018 sebanyak RM3,924,110 adalah konsisten dengan pengesahan yang diterima daripada pihak bank.
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria (KWBIV)	<p><b>Bank – RM27,052</b>            Baki akaun bank tidak dapat disahkan kerana surat pengesahan daripada pihak bank tidak dikemukakan. Oleh itu, pendapat Audit tidak dapat dinyatakan sama ada baki bank adalah benar dan saksama.</p> <p><b>Pelaburan – RM2,443</b>            Kedudukan sebenar pelaburan KWBIV yang terdiri daripada saham BHP Billiton Limited dan South32 di pasaran saham Australia tidak dapat disahkan kerana pengesahan baki pelaburan tidak dikemukakan. Pihak KWBIV juga tidak mengiktiraf pelaburan saham ini pada nilai pasaran menyebabkan nilai pelaburan sebenar terkurang nyata. Oleh itu, pendapat Audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan adalah benar dan saksama.</p>
2.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney (KWAMSHG)	<p><b>Bank – RM31,454</b>            Baki akaun bank tidak dapat disahkan kerana surat pengesahan daripada pihak bank tidak dikemukakan. Oleh itu, pendapat Audit tidak dapat dinyatakan sama ada baki bank adalah benar dan saksama.</p> <p><b>Pelaburan – RM6,964</b>            Terdapat perbezaan di antara amaun di penyata kewangan dengan amaun di pengesahan bank. Oleh itu, pendapat Audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan adalah benar dan saksama.</p>
3.	Kumpulan Wang Amanah Hospital Tai Wa	<p><b>Pelaburan – RM13,098</b>            Pengesahan baki Pelaburan Tersiar Harga bagi British War Stock atas nama Tai Wa Fund tidak dikemukakan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan kewujudan, pemilikan dan ketepatan amaun pelaburan.</p>

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	<p>Nilai Buku Bersih bagi Hartanah, Loji dan Peralatan yang dilaporkan di penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 ialah berjumlah RM78,517,276. Bagaimanapun, MPAJ tidak melaporkan harta milik MPAJ yang dikenal pasti iaitu 30 unit Apartment Council Home di Desa Lembah Permai. Hartanah ini dikesan melalui penyata tunggakan sewa yang tidak diakrukan sepenuhnya di penyata kewangan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan nilai sebenar Hartanah, Loji dan Peralatan yang telah terkurang nyata.</p>

#### PENDAPAT BERTENTANGAN

1.	Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)	<p><b>a. Wang di Tangan dan di Bank – RM105,673,720</b></p> <p>Merujuk kepada Nota 8, Wang di Tangan dan di Bank pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM105,673,720. Termasuk dalam jumlah tersebut adalah baki di Bank Islam Malaysia Berhad berjumlah RM12,326,280 yang tidak dapat disahkan kerana Penyata Penyesuaian Bank tidak disediakan dengan tepat dan kemas kini. Pelarasian tidak dibuat terhadap item penyesuaian seperti <i>Electronic Fund Transfer</i> yang berjaya dikreditkan, cek yang telah ditunaikan dan cek tamat tempoh.</p> <p><b>b. Baki Pemiutang – RM63,826,863</b></p> <p>Baki Pemiutang di Nota 12 berjumlah RM63,826,863 adalah terdiri daripada Akaun Belum Bayar - Pemiutang berjumlah RM57,606,472, Peruntukan Manfaat Kakitangan berjumlah RM871,415 dan Lain-lain Pemiutang berjumlah RM5,348,976. Bagaimanapun, ketepatan baki pemiutang tidak dapat disahkan kerana mempunyai salah nyata dan ketinggalan yang material serta pervasif seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Majlis Bandaraya Shah Alam tidak menyelenggara rekod individu pemiutang menyebabkan Akaun Belum Bayar – Pemiutang diiktiraf hanya berdasarkan perolehan tahun 2018 yang dibayar pada tahun berikutnya. Jumlah Akaun Belum Bayar – Pemiutang tahun 2018 berdasarkan rekod pembayaran pada bulan Januari dan Februari 2019 adalah RM74,004,126 berbeza sejumlah RM16,397,654 berbanding amaun di penyata kewangan berjumlah RM57,606,472. Perbezaan ini disebabkan oleh kesilapan merekodkan Kerja Dalam Kemajuan sejumlah RM11,386,830 dan Belanja sejumlah RM5,010,824 ke Akaun Belum Bayar - Pemiutang. Ini menyebabkan pemiutang terkurang nyata sejumlah RM16,397,654 dan Kerja Dalam Kemajuan serta Belanja masing-masing terkurang nyata sejumlah RM11,386,830 dan RM5,010,824. Selain itu, sejumlah RM1,409,317 tidak direkodkan sebagai Akaun Belum Bayar - Pemiutang pada tahun 2018.</li> <li>ii. Termasuk dalam senarai Akaun Belum Bayar - Pemiutang berjumlah RM74,004,126 adalah pembelian dua (2) unit Rumah Rehat di Timurbay Seafront Residence sejumlah RM1,176,516. Pembelian ini telah diiktiraf sebagai Pemiutang dan Kerja Dalam Kemajuan pada tahun 2018. Perjanjian jual beli telah ditandatangani pada 2 Januari 2019 dan dibayar sepenuhnya pada 12 Februari 2019. Ini menyebabkan Pemiutang dan Kerja Dalam Kemajuan berjumlah RM1,176,516 telah terlebih nyata kerana tidak menepati maksud tanggungan kewangan selaras dengan</li> </ul>
----	-----------------------------------	--

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
		<p>MPSAS 28 - Instrumen Kewangan: Persembahan dan MPSAS 29 - Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran.</p> <p>iii. Termasuk dalam Lain-lain Pembiutang berjumlah RM5,348,976 adalah Pelbagai Akaun Belum Bayar - Bank berbaki kredit berjumlah RM1,089,977 dan Terimaan Agensi Setempat berjumlah RM2,548,818. Pelbagai Akaun Belum Bayar - Bank berjumlah RM1,089,977 adalah pelarasian antara bank yang bukan merupakan tanggungan dan tidak perlu direkod sebagai Pelbagai Akaun Belum Bayar - Bank. Kesilapan ini menyebabkan baki di buku tunai dan liabiliti telah terlebih nyata. Selain itu, Terimaan Agensi Setempat berjumlah RM2,548,818 telah tersalah rekod ke Akaun Belum Bayar - Pembiutang Agensi Setempat menyebabkan akaun ini terlebih nyata dan Akaun Pelbagai Hasil terkurang nyata.</p> <p><b>c. Urusniaga Bukan Pertukaran, Urusniaga Pertukaran dan Pelbagai Hasil tahun 2018 mempunyai salah nyata dan ketinggalan yang material serta pervasif seperti berikut:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Majlis Bandaraya Shah Alam telah mengiktiraf faedah/keuntungan simpanan tetap tahun 2017, iaitu sejumlah RM9,455,826 pada tahun 2017 dan RM9,236,343 pada tahun 2018. Bagaimanapun, pelarasian terhadap faedah/keuntungan simpanan tetap berjumlah RM9,455,826 telah dibuat pada tahun 2018 kepada akaun Kumpulan Wang Majlis (Keuntungan Terkumpul) menyebabkan pengurangan baki akaun tersebut dengan jumlah yang sama. Majlis Bandaraya Shah Alam sepatutnya membuat pelarasian terhadap faedah/keuntungan simpanan tetap ke Akaun Faedah Terakru. Majlis Bandaraya Shah Alam juga tidak mengambil kira faedah terakru simpanan tetap pada tahun 2018 berjumlah RM7,969,749 menyebabkan faedah/keuntungan simpanan tetap dan faedah terakru telah terkurang nyata.</li> <li>ii. Pelarasian debit berjumlah RM5,985,632 dan kredit berjumlah RM2,059,506 di Kumpulan Wang Majlis tidak dapat disahkan kerana sebahagian pelarasian merupakan transaksi tahun 2018.</li> <li>iii. Majlis Bandaraya Shah Alam tidak melunaskan baki Geran Tertunda bagi projek yang telah siap kepada Kumpulan Wang Majlis berjumlah RM5,011,011 seperti ketetapan MPSAS 23 - Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan).</li> <li>iv. Sejumlah RM1,555,693 terimaan Bayaran Perkhidmatan telah direkodkan sebanyak dua (2) kali menyebabkan Pelbagai Hasil dan baki buku tunai terlebih nyata.</li> </ul> <p><b>d. MARRIS – RM6,462,936</b></p> <p>Penerimaan geran bagi Sistem Maklumat Rekod-Rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) berjumlah RM6,462,936 pada akhir tahun 2018 tidak diambil kira menyebabkan akaun MARRIS dan buku tunai telah terkurang nyata.</p>

Sumber: Jabatan Audit Negara

## 6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan tujuh (7) enakmen penubuhan BBN telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit berserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Manakala bagi PBT, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menghendaki satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di Dewan Negeri Selangor.

6.2. Sebanyak 19 penyata kewangan tahun 2018 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor. Pembentangan bagi tujuh (7) penyata kewangan agensi tidak perlu dibuat di Dewan Negeri Selangor. Agensi terlibat ialah Perbadanan Wakaf Selangor, Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney, Kumpulan Wang Selangor King George V Silver Jubilee, Majlis Sukan Negeri Selangor, Kumpulan Wang Hospital Tai Wa, Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria dan Majlis Agama Islam Selangor berdasarkan Akta Tubuh/Enakmen BBN dan Enakmen MAIS. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 6**.

**JADUAL 6**  
**PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018 YANG TELAH**  
**DIBENTANGKAN DI DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL.	AGENSI	TARIKH PEMBENTANGAN
1.	Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	01.11.2019
2.	Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor	01.11.2019
3.	Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor	01.11.2019
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	01.11.2019
5.	Lembaga Urus Air Selangor	01.11.2019
6.	Perbadanan Adat Melayu Dan Warisan Negeri Selangor	01.11.2019
7.	Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor	17.03.2020
8.	Majlis Bandaraya Shah Alam	13.07.2020
9.	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	13.07.2020
10.	Majlis Perbandaran Subang Jaya	13.07.2020
11.	Majlis Perbandaran Klang	13.07.2020
12.	Majlis Perbandaran Kajang	13.07.2020
13.	Majlis Perbandaran Sepang	13.07.2020
14.	Majlis Perbandaran Selayang	13.07.2020
15.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	13.07.2020
16.	Majlis Daerah Kuala Langat	13.07.2020
17.	Majlis Daerah Hulu Selangor	13.07.2020
18.	Majlis Daerah Kuala Selangor	13.07.2020
19.	Majlis Daerah Sabak Bernam	13.07.2020

Sumber: Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2019, 17 Mac 2020 dan 13 Julai 2020

## **7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN**

Analisis prestasi kewangan merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan, aset dan liabiliti bagi penyata kewangan tahun 2019 tidak dilaksanakan kerana hanya satu (1) penyata kewangan dapat disahkan sehingga 15 Ogos 2020.

## **8. BIDANG UTAMA AUDIT (*KEY AUDIT AREAS*)**

Bermula tahun 2019, Jabatan Audit Negara melaporkan aktiviti yang signifikan dan mempunyai impak hasil daripada pengauditan *key audit area* yang melibatkan 11 kriteria iaitu penyaluran dan penggunaan geran pembangunan dan mengurus, pengurusan pinjaman, pengurusan cukai taksiran, pengurusan agihan zakat, perolehan artifik, pengurusan pelaburan, pengurusan *work in progress*, pengurusan pelaburan harta tanah, pengurusan aset infrastruktur, pengurusan tanah dan pengurusan emolumen & saraan ahli lembaga pengarah. Bagaimanapun sehingga 15 Ogos 2020, tiada penemuan yang signifikan dilaporkan berdasarkan pengauditan *key audit area* yang telah dilaksanakan terhadap Penyata Kewangan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor.

## **9. RUMUSAN AUDIT**

Secara keseluruhannya, setakat 15 Ogos 2020, hanya satu (1) penyata kewangan telah disahkan dan diberi Pendapat Tanpa Teguran iaitu Penyata Kewangan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa Negeri Selangor. Sebanyak 22 penyata kewangan sedang diaudit, manakala tiga (3) penyata kewangan belum diterima iaitu Penyata Kewangan Majlis Bandaraya Shah Alam, Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria.

## **10. SYOR AUDIT**

Kerjasama semua peringkat di agensi termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- 10.1. agensi memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), pengakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan; dan
- 10.2. agensi memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang berkuat kuasa.



## **BAHAGIAN IV**

### **PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI**



## **BAHAGIAN IV**

### **PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN NEGERI**

#### **1. PENGENALAN**

1.1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) diperkenalkan pada tahun 2007 bagi menilai sama ada pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan berkuat kuasa. Pengauditan ini adalah selaras dengan Seksyen 6, Akta Audit 1957. Penilaian terhadap pengurusan kewangan dibuat dengan menyemak elemen utama, indikator dan sub-indikator. Skor diberi kepada setiap indikator/sub indikator dan penarafan diberi terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan Negeri. Pada tahun 2017, pendekatan pengurusan kewangan telah ditambah baik kepada penilaian berasaskan risiko. Setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko iaitu risiko tinggi, risiko sederhana dan risiko rendah.

1.2. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap Kementerian/Jabatan/Agensi Persekutuan dan Negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan dan agensi negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

1.3. Pada tahun 2020, satu (1) pengauditan pematuhan telah dilaksanakan terhadap satu (1) jabatan negeri seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PENGAUDITAN PEMATUHAN TAHUN 2019**

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN NEGERI
1.	Kutipan Cukai Tanah	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pejabat Daerah Dan Tanah Klang</li></ul>

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4. Pemilihan topik pengauditan pematuhan ini adalah berdasarkan peningkatan tunggakan cukai tanah tertinggi pada tahun 2018 berbanding 2017 yang dicatatkan oleh Pejabat Daerah Dan Tanah Klang.





# **PENGAUDITAN PEMATUHAN**

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG**

**- KUTIPAN CUKAI TANAH**



# PEJABAT DAERAH DAN TANAH KLANG

## 1. KUTIPAN CUKAI TANAH

### FAKTA UTAMA

<b>RM88.39 Juta</b>	<b>Kutipan Hasil Cukai Tahun 2018</b>
<b>RM96.17 Juta</b>	<b>Kutipan Hasil Cukai Tahun 2019</b>

### 1. LATAR BELAKANG

1.1. Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT) Klang diketuai oleh seorang Pegawai Daerah yang mengurus dan mentadbir dua (2) mukim iaitu Klang dan Kapar. Pegawai Daerah dibantu oleh tiga (3) Ketua Penolong Pegawai Daerah di Bahagian Khidmat Pengurusan, Bahagian Pembangunan dan Bahagian Pengurusan Tanah. PDT Klang menggunakan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) bagi urusan pendaftaran hak milik tanah.

1.2. Bagi urusan kutipan hasil tanah pula, Sistem eHasil diguna pakai mulai bulan April 2018. Urusan pembayaran cukai tanah boleh dibuat secara perbankan internet atau melalui kaunter di Pos Malaysia, PDT, Pejabat Tanah Dan Galian Selangor (PTGS) serta Pihak Berkuasa Tempatan.

1.3. Cukai tanah PDT Klang dikenakan mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 (Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 17 Mac 2016) yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Jumlah kutipan hasil cukai PDT Klang serta kedudukan tunggakan cukai tanah bagi tahun 2018 dan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**KUTIPAN HASIL CUKAI DAN KEDUDUKAN TUNGGAKAN HASIL**  
**PDT KLANG BAGI TAHUN 2018 DAN 2019**

BIL.	JENIS HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Cukai Tanah	83.47	84.17
2.	Tunggakan Cukai Tanah	7.92	3.35
3.	Cukai Tahun Pertama	3.05	0.54
4.	Cukai Petak	0.97	0.26
5.	Tunggakan Cukai Petak	0.51	-*
6.	Cukai Parit/Tali Air	0.22	0.06
7.	Tunggakan Cukai Parit/Tali Air	0.03	0.01
<b>JUMLAH HASIL</b>		<b>96.17</b>	<b>88.39</b>
<b>TUNGGAKAN HASIL</b>		<b>56.99</b>	<b>56.57</b>

Sumber: Unit Hasil Perbendaharaan Negeri Selangor

Nota: (\*) - Cukai Petak dilaksanakan bermula tahun 2018

## **2.     OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada hasil cukai tanah diurus dengan teratur selaras dengan undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.

## **3.     SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

3.1. Skop pengauditan meliputi hasil cukai tanah dan tunggakan bagi tahun 2018 hingga 2019 di Unit Hasil PDT Klang serta data daripada PTGS. Semakan Audit dibuat terhadap 130 hak milik tanah (RM38.36 juta), 60 fail tunggakan hasil (RM7.88 juta) tahun 2018 dan 2019 serta 82 Notis 6A eHasil (RM2.18 juta).

3.2. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen kewangan dan minit mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JPKA) berkaitan tunggakan hasil serta analisis data eHasil. Di samping itu, sesi temu bual dengan pegawai yang berkaitan turut dijalankan untuk mengesahkan penemuan Audit.

## **4.     PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan telah dilaksanakan pada bulan November 2019 hingga Januari 2020 dan maklum balas telah diterima pada 21 Mei 2020, 7 Julai 2020 dan 4 Ogos 2020 manakala Mesyuarat Penutupan telah diadakan pada 3 Julai 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

### **4.1.   Cukai Tanah Terkurang Kutip Sejumlah RM1.16 Juta**

Cukai tanah hendaklah dikenakan mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Semakan Audit mendapati PDT Klang terkurang kutip hasil cukai tanah sejumlah RM1.16 juta iaitu RM726,092 bagi cukai tanah lot kediaman dan RM430,016 bagi cukai tanah lot industri/perusahaan kerana kesilapan dalam menetapkan kadar cukai dan penentuan kategori jenis tanah seperti berikut:

#### 4.1.1. Cukai Tanah Lot Kediaman

- Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 yang berkuat kuasa pada bulan Januari 2017 menetapkan kadar cukai tanah bagi lot kediaman adalah pada kadar antara RM0.105 hingga RM0.217 per meter persegi atau minimum RM53.
- Semakan Audit mendapati sejumlah RM181,523 hasil cukai tanah tahunan bagi lot kediaman telah terkurang dikutip. Nilai cukai tanah minimum yang sepatutnya dikutip daripada 60,388 hak milik lot kediaman tersebut mulai tahun 2017 adalah berjumlah RM3.20 juta berbanding dengan jumlah cukai sebenar yang dikutip sejumlah RM3.02 juta. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

**JADUAL 2**  
**HASIL CUKAI TANAH BAGI LOT KEDIAMAN**

BILANGAN LOT KEDIAMAN	KADAR CUKAI LAMA (RM)	KADAR MINIMUM CUKAI BAHARU (RM)	JUMLAH CUKAI SEBENAR YANG DIKUTIP (RM)	JUMLAH CUKAI MINIMUM YANG SEPATUTNYA DIKUTIP (RM)	CUKAI TAHUNAN TERKURANG KUTIP (RM)
			(a)	(b)	(a-b)
53	2 – 49	53	1,702	2,809	(1,107)
60,335	50 – 52	53	3,017,339	3,197,755	(180,416)
<b>60,388</b>	<b>JUMLAH</b>		<b>3,019,041</b>	<b>3,200,564</b>	<b>(181,523)</b>
<b>Minimum Kehilangan Hasil Dalam Tempoh 4 Tahun (2017-2020):</b>			<b>RM181,523 x 4 = RM726,092</b>		

Sumber: Data eHasil PDT Klang

- Perkara ini disebabkan sebanyak 60,388 hak milik lot kediaman tidak ditaksir nilai cukai tanahnya pada kadar baharu. PDT Klang tidak dapat untuk menyelesaikan urusan menaik taraf dan mewartakan kawasan bertaraf desa kepada pekan atau bandar sebelum Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 dikuatkuasakan.
- Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 (4 tahun), minimum kehilangan hasil kepada Kerajaan negeri adalah sejumlah RM726,092.**

**Pernyataan Audit** | **PDT Klang tidak dapat untuk menyelesaikan urusan menaik taraf dan mewartakan kawasan bertaraf desa kepada pekan atau bandar sebelum Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 dikuatkuasakan. Keadaan ini menyebabkan Kerajaan negeri kehilangan hasil sejumlah RM726,092 bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020.**

#### 4.1.2. Cukai Tanah Lot Industri/Perusahaan

##### a. Kategori Tanah Bandar

- i. Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 menetapkan kadar cukai bagi tanah bandar seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3**  
**KADAR CUKAI BAGI KATEGORI TANAH BANDAR**

KATEGORI	KADAR CUKAI PER METER PERSEGI	
	KURANG 2 HEKTAR (RM)	LEBIH 2 HEKTAR (RM)
Tanah Bandar Lot Industri/Perusahaan	1.406	1.456

Sumber: Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016

- ii. Semakan Audit mendapati sejumlah RM48,859 hasil cukai tanah tahunan bagi lima (5) hak milik tanah lot industri/perusahaan kategori tanah bandar telah terkurang kutip seperti dalam **Jadual 4**. Pemilik telah dikenakan cukai bagi kategori tanah lot industri/perusahaan berkeluasan kurang dari dua (2) hektar, iaitu pada kadar RM1.406 per meter persegi. Sebaliknya, hak milik tanah tersebut bagi kategori tanah bandar berkeluasan melebihi dua (2) hektar, iaitu pada kadar RM1.456 per meter persegi tidak dikenakan cukai tanah lot industri/perusahaan.

**JADUAL 4**  
**HASIL CUKAI TANAH LOT INDUSTRI/PERUSAHAAN DI TANAH BANDAR**

BIL.	NO. HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)*	KADAR		CEKAI TAHUNAN TERKURANG KUTIP (RM)
			DIKENAKAN**	SEPATUTNYA	
			JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	
1.	HSD00116336	80,936	113,797	117,843	(4,046)
2.	HSD00116369	117,358	165,006	170,873	(5,867)
3.	HSD00116399	135,257	190,172	196,934	(6,762)
4.	HSD00116365	207,448	291,672	302,044	(10,372)
5.	HSD00097332	171,326	227,639	249,451	(21,812)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>988,286</b>	<b>1,037,145</b>	<b>(48,859)</b>
<b>Jumlah Kehilangan Hasil Dalam Tempoh 4 Tahun (2017-2020):</b>			<b>RM48,859 x 4 = RM195,436</b>		

Sumber: Data eHasil PDT Klang

Nota: (\*) – 1 hektar = 10,000 meter<sup>2</sup>

(\*\*) – Berdasarkan Bil Hasil Tanah Daerah Klang

- iii. Perkara ini disebabkan kecuaian pegawai bertanggungjawab untuk memastikan kadar cukai yang betul dikenakan mengikut kadar cukai tanah yang ditetapkan.

- iv. **Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 (4 tahun), kehilangan hasil kepada Kerajaan negeri adalah sejumlah RM195,436.**

**b. Kategori Tanah Desa**

- i. Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 menetapkan kadar cukai bagi tanah desa seperti dalam **Jadual 5**.

**JADUAL 5**  
**KADAR CUKAI KATEGORI TANAH DESA**

KATEGORI	KADAR CUKAI PER METER PERSEGI	
	KURANG 2 HEKTAR (RM)	LEBIH 2 HEKTAR (RM)
Tanah Desa Lot Industri/Perusahaan	0.633	0.655

Sumber: Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016

- ii. Semakan Audit mendapati sejumlah RM58,645 hasil cukai tanah tahunan bagi empat (4) hak milik tanah lot industri/perusahaan kategori tanah desa telah terkurang kutip seperti dalam **Jadual 6**. Pemilik telah dikenakan cukai bagi kategori tanah lot industri/perusahaan berkeluasan kurang dari dua (2) hektar, iaitu pada kadar RM0.633 per meter persegi. Sebaliknya, hak milik tanah tersebut bagi kategori tanah desa berkeluasan melebihi dua (2) hektar, iaitu pada kadar RM0.655 per meter persegi tidak dikenakan cukai tanah lot industri/perusahaan.

**JADUAL 6**  
**HASIL CUKAI TANAH LOT INDUSTRI/PERUSAHAAN DI TANAH DESA**

BIL.	NO. HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)*	KADAR		CUKAI TAHUNAN TERKURANG KUTIP (RM)
			DIKENAKAN**	SEPATUTNYA	
			JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	
1.	HSD00017795	240,007	151,925	157,204	(5,279)
2.	HSD00024617	921,168	583,100	603,365	(20,265)
3.	HSD00024616	809,371	512,332	530,138	(17,806)
4.	HSD00155543	674,300	426,372	441,667	(15,295)
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>1,673,729</b>	<b>1,732,374</b>	<b>(58,645)</b>
<b>Jumlah Kehilangan Hasil Dalam Tempoh 4 Tahun (2017-2020):</b>			<b>RM58,645 x 4 = RM234,580</b>		

Sumber: Data eHasil PDT Klang

Nota: (\*) – 1 hektar = 10,000 meter<sup>2</sup>

(\*\*) – Berdasarkan Bil Hasil Tanah Daerah Klang

- iii. Perkara ini disebabkan kecuaian pegawai bertanggungjawab untuk memastikan kadar cukai yang betul dikenakan mengikut kadar cukai tanah yang ditetapkan.

- iv. **Bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 (4 tahun), kehilangan hasil kepada Kerajaan negeri adalah sejumlah RM234,580.**

#### **Maklum Balas PDT Klang yang Diterima pada 21 Mei 2020**

PDT Klang memaklumkan bahawa pengiraan cukai adalah berdasarkan jadual kadar cukai, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor berdasarkan empat (4) kategori taraf tanah iaitu bandar, luar bandar, pekan dan mukim. Kadar bangunan kediaman adalah RM50. Bagaimanapun pindaan jadual kadar cukai, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2016 yang berkuat kuasa pada Januari 2017 hanya dikategorikan kepada tiga (3) taraf tanah iaitu bandar, desa dan pekan.

Sehubungan itu, PDT Klang masih mengekalkan pengiraan cukai tanah berdasarkan jadual kadar cukai, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor Tahun 2006. Perkara ini adalah kerana PDT Klang sedang dalam proses untuk menaik taraf kawasan tanah bertaraf mukim kepada pekan atau bandar. Pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) telah menyediakan warta bagi 18 pelan kawasan bagi tujuan tersebut bertarikh 13 Disember 2019. Tindakan selanjutnya adalah menyediakan pelan terperinci bagi lot-lot yang terlibat dan akan melaksanakan pindaan kiraan cukai tanah secara manual berdasarkan jadual kadar cukai, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 setelah urusan pewartaan tersebut selesai.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Cukai tanah yang tidak dikutip menggunakan kadar yang betul telah menyebabkan PDT Klang kehilangan hasil cukai berjumlah RM1.16 juta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020</b>
-------------------------	--

#### **4.2. Cukai Tanah Terlebih Kutip Sejumlah RM14.60 juta**

Cukai tanah hendaklah dikenakan mengikut kadar dan peraturan yang ditetapkan dalam Kanun Tanah Negara (KTN) 1965 dan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2017. Semakan Audit mendapati PDT Klang terlebih kutip hasil cukai tanah sejumlah RM14.60 juta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 kerana kesilapan dalam menetapkan kadar cukai dan penentuan kategori jenis tanah seperti berikut:

#### 4.2.1. Cukai Tanah Lot Komersial

- Mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 menetapkan kadar cukai bagi tanah lot komersial yang dikelaskan dalam kategori tanah desa dikenakan cukai pada kadar RM1.774 per meter persegi.
- Semakan Audit mendapati cukai tanah bagi tujuh (7) hak milik lot komersial telah terlebih kutip sejumlah RM1.40 juta setahun kerana telah dikenakan cukai pada kadar RM3.307 per meter persegi, iaitu kadar cukai bagi lot komersial yang berada di kategori tanah bandar seperti dalam **Jadual 7**.

**JADUAL 7**  
**HASIL CUKAI TANAH LOT KOMERSIAL TERLEBIH KUTIP**

BIL.	NO. HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)*	KADAR		CEKAI TAHUNAN TERLEBIH KUTIP (RM)
			DIKENAKAN	SEPATUTNYA**	
			JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	
1.	PN00115179	332,800	1,100,570	590,388	510,182
2.	PN00115178	223,200	738,123	395,957	342,166
3.	PN00115117	98,340	325,211	174,456	150,755
4.	HSD00149145	88,194	291,658	156,457	135,201
5.	PN00115180	65,980	218,196	117,049	101,147
6.	GRN00297849	59,366	196,324	105,316	91,008
7.	HSD00149146	45,604	150,812	80,901	69,911
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>3,020,894</b>	<b>1,620,524</b>	<b>1,400,370</b>
<b>Jumlah Hasil Terlebih Kutip Dalam Tempoh 4 Tahun (2017-2020):</b>			<b>RM1,400,370 x 4 = RM5,601,480</b>		

Sumber: Data eHasil PDT Klang

Nota: (\*) – 1 hektar = 10,000 meter<sup>2</sup>

(\*\*) – Maklumat diperoleh daripada maklum balas PTGS

- Perkara ini berlaku disebabkan tujuh (7) hak milik lot komersial tersebut sepatutnya dikelaskan dalam kategori tanah desa tetapi dikelaskan dalam kategori tanah bandar.

#### 4.2.2. Cukai Tanah Lot Industri/Perusahaan

- Mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 menetapkan kadar cukai bagi tanah lot industri/perusahaan yang dikelaskan dalam kategori tanah desa dikenakan cukai pada kadar RM0.655 per meter persegi.
- Semakan Audit mendapati cukai tanah bagi enam (6) hak milik lot industri/perusahaan telah terlebih kutip berjumlah RM2.10 juta setahun kerana

telah dikenakan cukai pada kadar RM1.055 dan RM1.03 per meter persegi dan kadar cukai ini pula tiada dalam senarai cukai tanah di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 seperti dalam **Jadual 8**.

**JADUAL 8**  
**CUKAI TANAH LOT INDUSTRI/PERUSAHAAN TERLEBIH KUTIP**

BIL.	NO. HAK MILIK	KELUASAN (METER PERSEGI)*	KADAR		CUKAI TAHUNAN TERLEBIH KUTIP RM
			DIKENAKAN	SEPATUTNYA**	
			JUMLAH (RM)	JUMLAH (RM)	
1.	PN00007324	4,044,000	4,266,420	2,652,864	1,613,556
2.	PN000989500	583,674	601,185	382,307	218,878
3.	PN00117749	237,253	244,371	155,401	88,970
4.	PN00091877	187,659	193,289	122,917	70,372
5.	HSD00145302	156,920	161,628	102,783	58,845
6.	HSD00067793	137,128	141,242	89,819	51,423
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>			<b>5,608,135</b>	<b>3,506,091</b>	<b>2,102,044</b>
<b>Jumlah Hasil Terlebih Kutip Dalam Tempoh 4 Tahun (2017-2020):</b>			<b>RM2,102,044 x 4 = RM8,408,176</b>		

Sumber: Data eHasil PDT Klang

Nota: (\*) – 1 hektar =10,000 meter<sup>2</sup>

(\*\*) – Maklumat diperoleh daripada maklum balas PTGS

- c. Perkara ini berlaku kerana enam (6) hak milik lot industri/perusahaan sepatutnya dikelaskan dalam kategori tanah desa tetapi dikelaskan dalam kategori tanah bandar.

#### 4.2.3. Cukai Tanah Lot Kediaman

- a. Mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 menetapkan kadar cukai bagi tanah lot kediaman kategori tanah pekan dikenakan cukai pada kadar RM0.109 per meter persegi.
- b. Semakan Audit mendapati cukai tanah bagi hak milik bernombor HSD00020955 terlebih kutip sejumlah RM150,831 setahun [RM150,831 x 4 tahun (2017-2020) =RM603,324].
- c. Perkara ini berlaku kerana hak milik tersebut sepatutnya dikenakan cukai pada kadar RM0.109 per meter persegi tetapi telah dikenakan cukai pada kadar RM0.2128 per meter persegi. Kadar cukai tanah yang telah dikenakan ini juga tidak tersenarai di bawah Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016.

## **Maklum Balas PDT Klang dan PTGS yang Diterima pada 21 Mei , 7 Julai dan 4 Ogos 2020**

PDT Klang memaklumkan bahawa sampel hak milik yang diberikan oleh pihak Audit adalah hak milik dan bidang kuasa semakan semula serta pembetulan di bawah bidang kuasa PTGS. PTGS memaklumkan bahawa tindakan pembetulan berdasarkan Seksyen 380 Kanun Tanah Negara 1965 dan jadual kadar cukai Kaedah-Kaedah Tanah Selangor (Pindaan) 2016 akan dibuat.

**Pernyataan Audit** | **Kesilapan mengenakan kadar yang betul menyebabkan cukai tanah sejumlah RM3.65 juta setahun, atau RM14.61 juta bagi tempoh tahun 2017 hingga 2020 terlebih dikutip.**

### **4.3. Tuggakan Hasil Cukai Tanah**

4.3.1. Mengikut Seksyen 97 (1) KTN 1965, Pentadbir Tanah boleh memberikan notis tuntutan tunggakan cukai tanah melalui Notis 6A kepada pemilik tanah yang mempunyai tunggakan cukai. Mengikut Seksyen 100 KTN pula, apabila pemilik tanah gagal membuat bayaran penuh terhadap cukai tanah tertunggak, Pentadbir Tanah boleh melucutkan hak milik tersebut kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan memberikan Notis 8A.

4.3.2. Sebelum Notis 6A dikeluarkan, terdapat tiga (3) jenis surat peringatan perlu dikeluarkan mengikut tempoh masing-masing, iaitu Surat Peringatan Pertama (30 hari), Kedua (14 hari) dan Ketiga (14 hari).

4.3.3. Semakan Audit mendapati sebanyak **20 hak milik berjumlah RM6.18 juta yang mempunyai tunggakan cukai tanah sejak tahun 1996 belum mempunyai tindakan penyelesaian dan tidak diberi Notis 6A** seperti dalam **Jadual 9**.

**JADUAL 9  
TUNGGAKAN CUKAI TANAH TIDAK DIKELUARKAN NOTIS 6A**

BIL.	NO. HAK MILIK	JUMLAH PERLU DIBAYAR (RM)	TAHUN TUNGGAKAN	TEMPOH TUNGGAKAN (TAHUN)
1.	HSD00011095	690,277.40	1996	23
2.	HSD00011096	800,898.80	1996	23
3.	HSD00011097	798,109.80	1996	23
4.	HSD00011098	708,282.20	1996	23
5.	HSD00011099	747,165.40	1996	23
6.	PN00012421	308,130.10	2005	14

BIL.	NO. HAK MILIK	JUMLAH PERLU DIBAYAR (RM)	TAHUN TUNGGAKAN	TEMPOH TUNGGAKAN (TAHUN)
7.	HSD00330841	53,424.90	2005	14
8.	HSD00041818	317,334.80	2010	9
9.	HSD00087259	74,708.40	2013	6
10.	HSD00087341	71,454.40	2013	6
11.	HSM00001450	100,395.30	2013	6
12.	HSM00019894	260,886.00	2013	6
13.	GM00016606	127,135.70	2014	5
14.	HSD00136026	40,966.50	2017	2
15.	HSD00135964	64,616.10	2017	2
16.	HSD00136024	41,090.30	2017	2
17.	PN00111686	827,598.80	2017	2
18.	HSD00136025	41,090.30	2017	2
19.	HSD00136023	40,966.50	2017	2
20.	HSD00135964	61,616.10	2017	2
<b>JUMLAH</b>		<b>6,176,147.80</b>		

Sumber: Fail Individu Hak Pemilik Tertunggak

4.3.4. Semakan Audit selanjutnya terhadap data eHasil PDT Klang mendapati sebanyak **12 hak milik berjumlah RM1.51 juta telah diberi Notis 6A. Bagaimanapun, tiada tindakan diambil untuk melucutkan hak milik kepada Pihak Berkuasa Negeri sebelum Notis 8A dapat dikeluarkan kepada pemilik.** Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 10.**

**JADUAL 10  
NOTIS 6A DIKELUARKAN  
TETAPI TIADA TINDAKAN SELANJUTNYA DIAMBIL**

BIL.	NO. HAK MILIK	JUMLAH PERLU DIBAYAR (RM)
1.	GRN00062817	329,044.10
2.	PN 00112187	384,923.30
3.	GRN00045244	53,695.43
4.	HSD00014003	18,820.10
5.	HSD 00003220	66,700.00
6.	GRN00042886	132,475.30
7.	HSD 00034925	63,862.50
8.	HSD00042694	85,893.70
9.	HSD00136064	39,997.10
10.	GRN00023684	169,357.80
11.	GRN00024659	16,797.20
12.	GRN00037877	153,072.20
<b>JUMLAH</b>		<b>1,514,638.73</b>

Sumber: Data eHasil PDT Klang

4.3.5. Tunggakan cukai tanah sejak tahun 1996 berjumlah RM6.18 juta belum diambil tindakan penyelesaian dan tidak diberi Notis 6A berlaku disebabkan pegawai di Unit Hasil tidak mengeluarkan surat peringatan mengikut tempoh yang ditetapkan dan tindakan penguatkuasaan tidak diambil terhadap hak milik terlibat. Manakala 12 hak milik berjumlah RM1.51 juta telah diberi Notis 6A tetapi tiada tindakan diambil untuk melucutkan hak milik kepada Pihak Berkuasa Negeri berlaku disebabkan tiada pemantauan dibuat oleh pegawai bertanggungjawab.

### **Maklum Balas PDT Klang yang Diterima pada 21 Mei 2020**

PDT Klang telah memaklumkan status sebenar dan perincian hak milik terlibat. Surat peringatan dan penyampaian notis selanjutnya akan dikeluarkan setelah selesai semakan semula hak milik terlibat. Semakan semula terhadap Notis 6A tahun 2012 dibuat untuk mengelakkan isu amaun yang dituntut tidak relevan memandangkan Notis 6A adalah pada tahun yang lama. Ini mengelakkan tindakan dicabar di mahkamah disebabkan suratcara tidak teratur yang akan menyebabkan kerugian kepada Kerajaan negeri. Tindakan penyelesaian bersama pihak PTGS serta pemilik tunggakan cukai tanah akan dibuat dari masa ke semasa.

<b>Pernyataan Audit</b>	<b>Ketidakpatuhan dalam tindakan mengeluarkan Notis 6A seterusnya tindakan perampasan dan pelucutan hak milik kepada Pihak Berkuasa Negeri dengan memberikan Notis 8A menyebabkan tunggakan cukai berjumlah RM7.69 juta tidak dapat dikutip.</b>
-------------------------	--

## **5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan kutipan cukai tanah yang teratur, PDT Klang disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.1. menyelaraskan kadar cukai tanah dengan Kaedah-Kaedah Tanah Selangor mengikut syarat nyata atau keputusan Kerajaan Negeri yang dikeluarkan dari semasa ke semasa; dan
- 5.2. menguatkuasakan tindakan mengutip tunggakan mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah Tanah Selangor, antaranya mengeluarkan surat peringatan, menyerahkan Notis 8A untuk tujuan rampasan dan mengadakan rundingan dengan pemilik bagi tujuan penyelesaian tunggakan.





## **BAHAGIAN V**

**PEMBENTANGAN LAPORAN  
KETUA AUDIT NEGARA  
DAN MESYUARAT  
JAWATANKUASA KIRA-KIRA  
WANG AWAM NEGERI**



---

## **BAHAGIAN V**

### **PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGERA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

---

#### **1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGERA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SERTA AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

Mengikut Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Laporan Ketua Audit Negara mengenai Akaun Kerajaan Negeri yang telah diaudit hendaklah dibentangkan segera di Dewan Negeri Selangor. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 1 November 2019. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2018 serta Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2018 Siri 2 telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 16 Mac 2020.

#### **2. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

Sepanjang tahun 2019 hingga 15 Ogos 2020, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor telah bermesyuarat tujuh (7) kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016, 2017 dan 2018 seperti dalam **Jadual 1**.

**JADUAL 1**  
**PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**  
**DI MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI**

BIL. MESYUARAT	TARIKH MESYUARAT	JABATAN/AGENSI	PERKARA DIBINCANGKAN
<b>TAHUN 2019</b>			
<b>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2017 SIRI 1</b>			
3	12 April 2019	Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) [MBI]	Communication Corporation Sdn. Bhd.
4	19 April 2019	Majlis Agama Islam Selangor	Pengurusan Hartanah
7	16 Mei 2019	Jabatan Pertanian Negeri Selangor	Pengurusan Taman Kekal Pengeluaran Makanan
<b>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2016 SIRI 2 DAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2017 SIRI</b>			
12	18 September 2019	Perbadanan Negeri Selangor	Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2016 dan 2017
<b>TAHUN 2020</b>			
<b>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018 SIRI 1</b>			
4	13 Februari 2020	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor	Pengurusan Projek Pembangunan Perpustakaan Awam Selangor
<b>LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA 2018 SIRI 2</b>			
5	29 Julai 2020	Majlis Sukan Negeri Selangor	Program Pembangunan Sukan
6	12 Ogos 2020		

Sumber: Jabatan Audit Negara



# **PENUTUP**



---

## PENUTUP

---

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2019 adalah baik. Penyerahan penyata kewangan agensi negeri juga baik kerana telah dapat dikemukakan dalam tempoh yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 berada di tahap stabil. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM2.142 bilion masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi kewangan jabatan/agensi negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara  
Malaysia**

**Putrajaya**  
**8 Oktober 2020**





# LAMPIRAN





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

**Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**

**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 6 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financing Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

**Asas Kepada Pendapat**

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

**Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain**

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

#### **Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya**

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

#### **Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan**

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Prawian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financing Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

#### **Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas

kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasinya kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan kepada kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor memberi gambaran yang saksama.

#### **Hal-hal Lain**

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.

  
**(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)**

**KETUA AUDIT NEGARA**

**MALAYSIA**

**PUTRAJAYA**

**2, SEPTEMBER 2020**



3 / 3

## Lampiran II

### PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2019 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2019.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjelaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2019.

DATO' NOR AZMIE DIRON D.P.M.S

Pegawai Kewangan Negeri

2 Mac 2020

DR. SHAHRIL BIN BAHARIM CA(M), FGMA, CGMA

Bendahari Negeri

2 Mac 2020

**Lampiran III****PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN  
pada 31 Disember 2019**

	Nota	2019 RM	2018 RM
<b>WANG AWAM</b>			
WANG TUNAI	3	179,253,796.92	417,541,187.89
PELABURAN	4	1,962,513,419.07	1,717,834,293.51
		<b><u>2,141,767,215.99</u></b>	<b><u>2,135,375,481.40</u></b>
<b>DIPEGANG BAGI:</b>			
<b>KUMPULAN WANG DISATUKAN</b>			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	267,289,992.36	463,091,456.50
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,874,477,223.63	1,672,284,024.90
		<b><u>2,141,767,215.99</u></b>	<b><u>2,135,375,481.40</u></b>

*Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.*

## Lampiran IV

### PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

	Nota	2019	2018
		RM	RM
<b>TERIMAAN</b>			
Hasil	5		
Hasil Cukai		700,708,422.65	654,540,858.44
Hasil Bukan Cukai		1,338,441,463.86	1,061,514,501.70
Terimaan Bukan Hasil		<u>281,018,649.00</u>	<u>282,461,676.09</u>
Pinjaman			
Dalam Negeri	6	12,435,853.00	17,676,943.00
Luar Negeri		<u>0.00</u>	<u>12,435,853.00</u>
0.00			17,676,943.00
Terimaan Modal			
Pembangunan	7	22,111,398.03	19,891,958.50
Jualan Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>	<u>22,111,398.03</u>
395,883,207.88			415,775,166.38
Terimaan Lain			
Terimaan Amanah	7	<u>15,878,245,670.42</u>	<u>28,259,134.63</u>
Jumlah Terimaan		<u>18,232,981,468.88</u>	<u>2,480,228,280.24</u>
<b>BAYARAN</b>			
Perbelanjaan Mengurus	5		
Emolumen		456,750,859.85	448,483,157.18
Perkhidmatan dan Bekalan		488,449,688.08	483,617,358.21
Aset		11,879,623.42	14,485,989.76
Pembelian dan Kenaan Bayaran Tetap		185,105,336.70	342,444,432.47
Perbelanjaan Lain		<u>66,950,231.14</u>	<u>39,806,551.83</u>
1,219,135,739.19			1,328,837,489.46
Perbelanjaan Pembangunan	7		
Langgung		1,303,948,802.53	1,407,127,157.27
Pinjaman		<u>8,559,054.01</u>	<u>1,312,507,866.54</u>
19,872,961.37			1,427,000,118.64
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>244,679,125.56</u>	<u>0.00</u>
0.00			0.00
Pinjaman			
Dalam Negeri	9	6,637,082.19	11,951,181.79
Luar Negeri		<u>0.00</u>	<u>6,637,082.19</u>
0.00			11,951,181.79
Bayaran Lain			
Bayaran Amanah		<u>15,688,289,034.45</u>	<u>0.00</u>
0.00			0.00
Jumlah Bayaran		<u>18,471,248,847.88</u>	<u>2,787,788,788.88</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		(238,287,390.97)	(307,560,509.64)
Wang Tunai Pada 1 Januari		417,541,187.89	725,101,697.53
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>178,263,798.82</u>	<u>417,541,187.88</u>

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## Lampiran V

